PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



# LAPORAN TAHUNAN
# PNM 2018



**Cetakan Pertama 2019**
©Perpustakaan Negara Malaysia, 2019
Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apajua bentuk dan dengan apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.


PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA
LAPORAN TAHUNAN
PNM 2018

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Perutusan Ketua Pengarah | iii |
| Misi, Visi dan Objektif | iv |
| Lembaga Penasihat PNM | 1 |
| Carta Organisasi | 4 |
| Pengurusan Tertinggi PNM | 6 |
| Pencapaian Utama | 8 |
| Peristiwa Penting | 15 |
| Pengurusan Perpustakaan | 22 |
| Pembangunan Perpustakaan | 52 |
| Perkhidmatan Perpustakaan | 68 |
| Sistem Pengurusan Kualiti | 100 |
| Puspanita | 102 |
| Kelab PNM | 105 |
| Penulisan | 110 |
| Terbitan PNM | 113 |
| Keratan Akhbar | 115 |






# PERUTUSAN KETUA PENGARAH



بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana rakaman memori kejayaan Perpustakaan Negara Malaysia sepanjang tahun 2018 berjaya diterbitkan seperti tahun sebelumnya.

Tahun 2018 menjadi tahun yang paling signifikan bagi profesion Pustakawan dan dunia kepustakawanan kerana Malaysia diiktiraf sebagai hos terbaik sepanjang penganjuran Persidangan *International Federation of Library Association and Institution World Library and Information Congress 2018 (IFLA WLIC)*. Persidangan ke-84 yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) telah menghimpunkan seramai 3,520 orang peserta yang terdiri daripada komuniti pustakawan dari dalam dan luar negara serta golongan profesional yang lain. Sejumlah 112 buah negara telah turut serta dalam persidangan ini dengan menjana anggaran pendapatan negara yang berjumlah RM61,619,186.66.

Lebih mengujakan bangunan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang berkonsepkan bentuk tengkolok menjadi binaan ikonik Malaysia telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan. Selain itu juga, manuskrip Melayu bagi Cerita-Cerita Panji koleksi yang terdapat di PNM turut diisytiharkan sebagai Objek Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Ini bagi memastikan kedua-dua objek tersebut terus dipelihara untuk tatapan generasi seterusnya.

Sejajar dengan pemilihan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dan Dekad Membaca Kebangsaan tahun 2018. PNM telah memperkasakan program-program galakan membaca yang bertujuan menarik lebih ramai masyarakat untuk mencintai dunia pembacaan dan menyemarakkan pembudayaan membaca. Antara program yang dianjurkan oleh PNM adalah 'Jom Baca Bersama 10 minit' pada 24 April 2018 telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 5.5 juta rakyat Malaysia. Selain itu juga, sebanyak 42 program/ aktiviti telah diadakan di seluruh negara bagi menyokong aspirasi negara iaitu menjadikan Malaysia sebagai negara membaca dan melahirkan masyarakat berilmu bertaraf dunia.

PNM turut mengorak langkah dalam usaha untuk memperkukuhkan hubungan sinergi dengan negara serantau dan antarabangsa melalui program yang dianjurkan bersama badan antarabangsa seperti Pelancaran Buku 'Sejarah Tamadun dan Budaya Rusia' (*The History of the Russian Civilization @Culture*), *Presentation of the Malay Translation of the Book 'Ilham Aliyev' by Viktor Andriyanoz & Gyseynbala Miralamov in the series 'Life of Outstanding People, Biography Continues'*. Selain itu, PNM turut mengadakan pendekatan strategik bersama kedutaan luar negara seperti *Republic of Iran*, Perancis, Cuba, Itali, Thailand dan Indonesia.

Pencapaian 2018, merupakan satu pahatan sejarah abadi bagi PNM untuk bergerak maju seiring dengan revolusi teknologi terkini iaitu 4.0. Akhir kata tahniah dan terima kasih diucapkan kepada sidang redaksi dan semua pihak yang terlibat dalam penerbitan ini.



# MISI, VISI DAN OBJEKTIF

## MISI

"Memperkasakan Penyampaian Sumber Maklumat Berkualiti Melalui Perkhidmatan Perpustakaan Bagi Membentuk Masyarakat Berilmu Pengetahuan"

## VISI

"Peneraju Pembangunan dan Perkhidmatan Perpustakaan di Malaysia Bertaraf Dunia Menjelang Tahun 2020"

## OBJEKTIF

1

Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;

2

Memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara; dan

3

Mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan





# LEMBAGA PENASIHAT PNM

# LEMBAGA PENASIHAT PNM

Lembaga Penasihat PNM ditubuhkan di bawah Seksyen 5 dan 6, Akta Perpustakaan Negara 1972 (mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2016). Ia berfungsi untuk menasihati Ketua Pengarah PNM mengenai kemajuan perpustakaan.

Keanggotaannya terdiri daripada seorang Pengerusi dan tujuh orang anggota lain yang dilantik oleh Menteri. Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan Seni & Budaya bertindak sebagai "ex-officio" dan Ketua Pengarah PNM sebagai Setiausaha Lembaga.

## AHLI LEMBAGA PENASIHAT PNM

| | Nama | Jawatan |
|---|---|---|
| 1 | YBhg. Datuk Farisha binti Pawan Teh | Pengerusi (2 Januari 2018 – 23 Mei 2018) |
| 2 | YBhg. Profesor Datuk Dr. Hj. Awang bin Sariyan | Pengerusi (5 Oktober 2018 – 18 Januari 2019) |
| 3 | YBhg. Dato' Mohd Ali Hanafiah bin Mohd Yunus | Ahli |
| 4 | YBrs. Prof. Dr. Juhana binti Salim | Ahli |
| 5 | YBrs. Prof. Dr. Sohaimi bin Zakaria | Ahli |
| 6 | YBrs. Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz | Ahli |
| 7 | Encik Ahmad Azhar bin Yahya | Ahli |
| 8 | Encik Ahmad Asri bin Khalbi | Ahli (10 Julai 2017 – 5 Julai 2018) |
| 9 | Encik Mohd Zamri bin Mohd Idrus | Ahli |



**PENGERUSI**
YBhg. Datuk Farisha binti Pawanteh



**AHLI LEMBAGA PENASIHAT**
YBhg. Profesor Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz



**AHLI LEMBAGA PENASIHAT**
YBhg. Dato' Mohd Ali Hanafiah bin Mohd Yunus



**AHLI LEMBAGA PENASIHAT**
YBhg. Prof. Dr. Juhana binti Salim



**AHLI LEMBAGA PENASIHAT**
YBhg. Prof. Dr. Sohaimi bin Zakaria



**AHLI LEMBAGA PENASIHAT**
Encik Mohd Zamri bin Mohd Idrus



**AHLI LEMBAGA PENASIHAT**
Encik Ahmad Asri bin Khalbi



**AHLI LEMBAGA PENASIHAT**
Encik Ahmad Azhar bin Yahya



**EX-OFFICIO**
YBhg. Datuk' Rashidi bin Hasbullah



**EX-OFFICIO**
YBhg. Dato' Nafisah binti Ahmad



# CARTA ORGANISASI




Petunjuk :

01 **KETUA PENGARAH**
**DATO' NAFISAH BINTI AHMAD**
**JUSA B**

## A PENGURUSAN

**UNIT INTEGRITI**
01. KETUA UNIT
WAN YUHAIMISHAM BIN WAN YUSOFF (S41)

**KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA**
02. PENGARAH
SHAIFUL AZLI BIN MAHAMAD NOR (M54)

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA**
06. MOHAMAD RIZAL BIN ABDULLAH (M48)

**PERKHIDMATAN KORPORAT**
03. PENGARAH
SITI AISHAH BINTI SHEIKH KADIR (S54)

**BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA**
07. KOSONG

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT**
08. HASHIMAH BINTI MOHAMED YUSOFF (S48)

**BAHAGIAN GERAKAN LITERASI MAKLUMAT**
09. FATIMAH BINTI ABD HAI (S48)

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**
04. PENGARAH
RAMZY BIN MD TAHA (S48)

**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
05. PENGARAH
NORAZWANA BINTI YUSOP (F48)

## B PEMBANGUNAN

**PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT**
01. PENGARAH
HJ. ROSHAM BIN HJ. ABDUL SHUKOR (S54)

**BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN**
03. WAN ROZAINI BIN WAN IBRAHIM (S48)

**BAHAGIAN PENYELIDIKAN**
04. RUZILAH BINTI EHSAN (S48)

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PERPUSTAKAAN DESA**
05. EDY IRWAN BIN ZULKAFLI (S52)

06. MOHD. AZMI BIN AZIZ (S48)








02 **TIMBALAN KETUA PENGARAH**
**MAIZAN BINTI ISMAIL**
**JUSA C**

**PEMBANGUNAN KOLEKSI**
02. PENGARAH
PUAN SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB (S54)

**PUSAT BIBLIOGRAFI NEGARA**
07. KATRUN NADA BINTI HJ. HASHIM (S52)

**PUSAT PENYERAHAN TERBITAN NEGARA**
08. ANISATUL-WAHIDAH BINTI ABDUL WAHID (S48)

**BAHAGIAN PEMBINAAN KOLEKSI**
09. SUHAILA BINTI ABD. RAHMAN (S48)

**BAHAGIAN PEMULIHARAAN**
10. ZAINAL BIN AHMAD (S48)

## C PERKHIDMATAN

**PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT**
01. PENGARAH
ABD. RAHMAN BIN SUDIN (S54)

**PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA**
04. HARLEEZA BINTI ABU HUSSIN (S52)

05. CHARLES BRILEE (S48)

**PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU**
06. FAIZAL HILMIE BIN YUSOF (S48)

**BAHAGIAN SUMBER ELEKTRONIK**
07. KASUMA DEWI BINTI SAID (S48)

**PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN KOMUNITI**
02. PENGARAH
FADHILAH AINI BINTI MD YUSOF (S54)

**BAHAGIAN PINJAMAN**
08. ALI BIN RASHID (S48)

**PERPUSTAKAAN NEGARA NEGERI PERLIS**
09. AZIZI BIN JANAN (S41)

**PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA**
03. PENGARAH
NOR O'BAIDAH BINTI ABIDIN (S52)

**BAHAGIAN RANGKAIAN SISTEM PERPUSTAKAAN**
10. KOSONG

**BAHAGIAN KANDUNGAN DIGITAL**
11. WAN MOHAMAD FAZALI BIN MOHD. SALLEH (S48)

**BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK DIGITAL**
12. AIDATUL HASNIDA BINTI ABDUL RANI (S48)

# PENGURUSAN TERTINGGI PNM



*Ketua Pengarah*

**YBHG. DATO' NAFISAH BINTI AHMAD**



*Timbalan Ketua Pengarah*

**MAIZAN BINTI ISMAIL**



*Pengarah*

**PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT**

**HAJI ROSYAM BIN HAJI ABDUL SHUKOR**



*Pengarah*

**PERKHIDMATAN KORPORAT**

**SITI AISHAH BINTI SHEIKH KADIR**



*Pengarah*

**PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT**

**ABD. RAHMAN BIN SUDIN**







*Pengarah*

**KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA**

**SHAIFUL AZLI BIN MAHAMAD NOR**




*Pengarah*

**PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN KOMUNITI**

**FADHILAH AINI BINTI MD YUSOF**




*Pengarah*

**PEMBANGUNAN KOLEKSI**

**SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB**



*Pengarah*

**PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA**

**NOR O'BAIDAH BINTI ABIDIN**



*Pengarah*

**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**

**NORAZWANA BINTI YUSOP**



*Pengarah*

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

**RAMZY BIN MD TAHA**



# PENCAPAIAN UTAMA

# INTERNATIONAL FEDERATION OF LIBRARY ASSOCIATION (IFLA)

*International Federation of Library Association and Institutions World Library and Information Congress* (IFLA WLIC) merupakan persidangan tahunan antarabangsa terbesar dan paling berprestij. Malaysia merupakan negara ketiga di Asia Tenggara selepas Thailand (1999) dan Singapura (2013) menjadi tuan rumah dan berjaya melaksanakan penganjuran persidangan IFLA WLIC 2018 yang ke-84 bertemakan *"Transform Libraries, Transform Societies: Reaching Out To The Hard to Reach"*. Seramai 3,520 orang peserta telah menghadiri persidangan ini yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 24 hingga 30 Ogos 2018. Peserta persidangan terdiri daripada 112 buah negara yang mana 2,224 peserta antarabangsa dan 1,296 peserta tempatan. Persidangan yang dijalankan secara sidang selari ini mengandungi 251 sesi pembentangan yang melibatkan 622 orang pembentang dan sebanyak 220 kertas kerja telah dibentangkan.









Sebanyak empat (4) kertas kerja telah dibentangkan oleh pegawai-pegawai PNM iaitu :

i. ***Making This World a Better Place Through Information Literacy: In4skill Campaign for Rural Communities***
Yazid Ibrahim dan Zuliana Ab. Rashid

ii. ***Digital Union Catalogue of Malay Manuscripts: The Way Forward***
Faizal Hilmie Yusof

iii. ***Social Network: Golden Gate to Promoting Library Services and Activities***
Charles Brilee

iv. ***Consequence of Androgyny Education to the Rural Community***
Adam Zulkarnain Saleng

**Mesyuarat Pengarah-Pengarah Perpustakaan Negara**

Mesyuarat Pengarah-Pengarah Perpustakaan Negara dari seluruh dunia *The Conference of Directors of National Library (CDNL)* telah diadakan pada 27 Ogos 2018 bertempat di Muzium Diraja Kuala Lumpur melibatkan 64 peserta dari 50 negara yang terdiri daripada 46 pengarah-pengarah perpustakaan negara dan 18 orang pemerhati dari perpustakaan negara. Mesyuarat ini membincangkan hala tuju global dan isu-isu berkaitan pengurusan dan perkhidmatan perpustakaan Negara.







**Pengiktirafan di Peringkat Antarabangsa**



Perpustakaan Negara Malaysia diberi pengiktirafan di peringkat Antarabangsa dalam bidang kepustakawanan menerusi keanggotaan pegawai PNM dalam pertubuhan antarabangsa seperti berikut :

i. YBhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Tetap, Seksyen Perpustakaan Negara, *International Federations of Library Associations & Institutions (IFLA)* bagi tempoh 2017-2019.

ii. Puan Anisatul Wahidah Abd Wahid, Timbalan Pengarah Kanan dilantik sebagai Ahli Koresponden, Seksyen Pengkatalogan, *International Federations of Library Associations & Institutions (IFLA)* bagi tempoh 2017-2019.



# BANGUNAN WARISAN BERSEJARAH






Penghargaan

kepada

Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

di atas penetapan

Bangunan Perpustakaan
Negara Malaysia

sebagai

WARISAN KEBANGSAAN

di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]

pada

17 Oktober 2018

DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB. Datuk Mohamaddin Bin Ketapi telah mengisytiharkan Bangunan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] pada 17 Oktober 2018 sempena Majlis Pengisytiharan Warisan Kebangsaan Kali Ke-5 2018.

Sijil Penghargaan dari Jabatan Warisan Negara sempena pengisytiharaan Bangunan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Warisan Kebangsaan.





# WARISAN KEBANGSAAN

Jabatan Warisan Negara telah mengiktiraf 5 naskhah manuskrip Melayu Cerita Panji Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Objek Warisan Kebangsaan pada 17 Oktober 2018 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Pengiktirafan ini merupakan satu kesinambungan di peringkat negara susulan pengiktirafan oleh UNESCO iaitu Memory of the World Register sebagai Warisan Dunia pada 30 Oktober 2017. 5 naskhah Cerita-cerita Panji itu ialah Hikayat Kelana Jayeng Seteru, Hikayat Jaran Misa Gambar Sari, Hikayat Cekel Waneng Pati, Cerita Panji dan Hikayat Misa Jelujuk Sira Panji.






MSS 94 CERITA PANJI



MSS 31 CERITA PANJI



MSS 29 CERITA PANJI



MSS 32 CERITA PANJI



MSS 2140 HIKAYAT MISA JEJULUK SIRA PANJI



# PENGURUSAN KEWANGAN

Peruntukan
**RM162,221,586**
juta

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan sebuah Jabatan Persekutuan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya adalah Pegawai Pengawal. Pada tahun 2018, PNM telah menerima peruntukan wang berjumlah **RM162,859,032** bagi belanja mengurus termasuk Dasar Sedia Ada, *One-Off* dan Program Khusus. PNM telah membelanjakan peruntukan berjumlah **RM162,221,586** dengan peratus perbelanjaan sebanyak **99.61%**.

Perpustakaan Negara Malaysia juga mempunyai satu Akaun Kumpulan Wang Perpustakaan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006). Selain daripada itu, PNM juga mempunyai satu (1) Akaun Amanah iaitu Akaun Amanah Perpustakaan Negara Malaysia.








# PERISTIWA PENTING

# JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2018



Sesi membaca selama 10 minit sedang dijalankan

Program "Jom Baca Bersama 10 Minit" merupakan Program Galakan Membaca di antara Perpustakaan Negara Malaysia bersama Perpustakaan Awam Negeri seluruh Negara pada setiap tahun bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Jom Baca Bersama 10 Minit" peringkat Kebangsaan telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Kati, Kuala Kangsar, Perak pada 24 April 2018. Program ini turut dijalankan secara serentak di Perpustakaan Negara Malaysia. Bagi tahun 2018, program ini telah mencatatkan penyertaan yang amat menggalakkan iaitu seramai 5,882,809 juta peserta.



Datuk Rashidi Hasbullah bersama Dato' Nafisah Ahmad mencanting batik sebagai menyokong salah satu aktiviti yang dijalankan semasa program ini






Sekitar Program Jom Baca 10 Minit di Peringkat Perpustakaan Negara Malaysia

# WORLD #QURANHOUR@PNM



Ucapan perasmian oleh Dato' Haji Paimuzi Bin Yahya, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM



Antara pelajar sekolah yang menjayakan program #QuranHour@PNM




Peserta program #QuranHour@PNM bergambar bersama Cik Saraya Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan Seni & Budaya

Program World #QuranHour telah dijalankan secara serentak diseluruh negara pada 7 Jun 2018 bersamaan 22 Ramadan 1439H. Program ini merupakan anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Se-Malaysia (MPAM). Seramai 1,065,336 juta peserta menyertai program ini.



# MAJLIS PELANCARAN BUKU ISTANA PAHANG : THE ROYAL PALACE OF PAHANG




Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustaín Billah sedang melancarkan buku Istana Pahang : The Royal Palace of Pahang

Majlis Pelancaran telah diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia pada 11 Januari 2018 dan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Buku Istana Pahang : *The Palace of Pahang* berkisarkan mengenai Istana Pahang sebagai sebuah monumen kebesaran raja-raja dan menjadi lambang kemegahan tamadun bangsa serta peradaban Melayu terbilang. Buku ini adalah hasil karya Orang Besar Istana Pahang, YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Sri Haji Halim bin Haji Ibrahim dan YH. Dato' Dr. Norhasni Zainal Abidin, Pensyarah Universiti Putra Malaysia.



Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustaín Billah beramah mesra dengan salah seorang penulis buku tersebut iaitu YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Sri Haji Halim bin Haji Ibrahim



Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustaín Billah mencemar duli melawat pameran

# KEM MEMBACA 1MALAYSIA (KM1M)



Sesi bergambar bersama tetamu kehormat YBhg. Dato' Sulaiman b. Wak, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) peringkat kebangsaan 2018 telah diadakan pada 3-5 April 2018. Program anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang memasuki tahun ke-9 penganjurannya ini telah memilih negeri Perak sebagai tuan rumah. Bengkel ini bertepatan dengan usaha kerajaan dalam meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti. Majlis Pelancaran KM1M disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sulaiman b. Wak, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia di SMK Bandar Baru Putra, Ipoh, Perak.




Persembahan Majlis Penutup oleh pelajar SMK Bandar Baru Putra, Ipoh, Perak




Sesi Membaca bersama Guru dan Pelajar



YBhg. Dato' Sulaiman b. Wak, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia membaca bersama pelajar-pelajar yang hadir

# MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH



YBhg. Dato’ Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM mengetuai lafaz Ikrar Bebas Rasuah Peringkat Perpustakaan Negara Malaysia



Puan Maizan Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia menandatangani Ikrar Bebas Rasuah dan disaksikan oleh YBhg. Dato’ Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

PNM turut memainkan peranan penting dalam memastikan gejala rasuah dapat dibendung di peringkat Jabatan. Aspriasi ini diterjemahkan melalui Majlis Lafaz dan Menandatangani IBR Peringkat PNM yang diadakan pada 8 Oktober 2018 pada pukul 9.30 pagi di Ruang Pameran, Anjung Bestari PNM. Lafaz IBR diketuai oleh YBhg. Dato’ Nafisah binti Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia diiringi oleh barisan pengurusan dan seluruh warga PNM. Majlis IBR ini diadakan sempena Perhimpunan Bulanan PNM bil 4/2018.






**Barisan pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia menandatangani Ikrar Bebas Rasuah dan disaksikan oleh YBhg. Dato’ Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (kanan)**

# SEMINAR MANUSKRIP MELAYU: HANG TUAH RAJA DUTA KERAJAAN MELAYU MELAKA “MENJUNJUNG TITAH, MENJULANG PERINTAH”




Sesi Forum bersama ahli panel iaitu dari kiri YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Borhan, Dr. Bazrul Bahaman (Pemudahcara), YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali dan YBhg. Profesor Emeritus Dato’ Paduka Dr. Hashim bin Musa.

Seminar Manuskrip Melayu Hang Tuah: Raja Duta Kerajaan Melayu Melaka yang bertemakan “Menjunjung Titah, Menjulang Perintah” telah diadakan pada 29 November 2018 di Perpustakaan Negara Malaysia. Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik,Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Objektif seminar pada kali ini adalah untuk mendedahkan masyarakat mengenai Hang Tuah sebagai ikon negarawan, duta dan pahlawan alam Melayu sekitar abad ke-15 selain mengenai sisi lain Hang Tuah yang masih belum disentuh atau dikaji oleh penyelidik.



Manuskrip Melayu Hikayat Hang Tuah




Antara pengunjung yang melawat Pameran Hang Tuah di Ruang Pameran bermula pada 29 November sehingga 31 Disember 2018



Ucapan perasmian oleh Dato’ Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM

# PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

# KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan Ketua Bahagian. Struktur Organisasi Jabatan terbahagi kepada tiga (3) aktiviti dan sepuluh (10) sub-aktiviti yang diketuai oleh Pengarah.

Di samping itu, terdapat 20 bahagian yang diketuai oleh Timbalan Pengarah sebagai ketua bahagian. Bahagian-bahagian ini menjalankan pelbagai fungsi yang berlainan ke arah mencapai objektif, visi dan misi Perpustakaan Negara Malaysia.

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia terdiri daripada empat (4) unit yang menjalankan empat (4) fungsi berikut; Pentadbiran, Perolehan dan Aset, Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan.

### UNIT PENTADBIRAN

Fungsi utama Unit Pentadbiran adalah untuk merancang dan menguruskan pentadbiran Jabatan, mengurus penyelenggaraan dan pembaikan di Jabatan, sewaan kemudahan Jabatan, memantau keselamatan bangunan milik Jabatan, menyediakan kemudahan pemandu dan kenderaan, serta urusan yang berkaitan, menguruskan fail dan rekod Jabatan, memantau kerja-kerja kebersihan di dalam dan di luar pejabat dan juga landskap.

Penyenggaraan bangunan dijalankan oleh syarikat Kejuruteraan Desir Emas Sdn. Bhd. dari 15 November 2017 hingga 14 November 2019 dan bagi perkhidmatan pembersihan dan penjagaan landskap pula dijalankan oleh Syarikat Gomatsu Ventures Sdn. Bhd. mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2018. Manakala perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api di PNM diuruskan oleh Syarikat Jati Force Sdn. Bhd. mulai 15 Mei 2017 hingga 14 Mei 2019 dengan pemantauan BKPSM.

### UNIT PEROLEHAN DAN ASET

Sepanjang tahun 2018, sejumlah 48 perolehan telah dilaksanakan dengan nilai sebanyak RM6,622,518.87 melibatkan 17 perolehan secara sebut harga yang melibatkan satu (1) perolehan kerja, dua (2) bekalan dan 14 perkhidmatan serta 31 perolehan secara kelulusan khas iaitu meliputi 16 langganan pangkalan data, tujuh (7) perolehan Koleksi Manuskrip Melayu, lima (5) perolehan Koleksi Bahan Nadir dan tiga (3) perolehan Koleksi Peribadi.



# UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Unit Pengurusan Sumber Manusia dipertanggungjawabkan mengendali urusan personel dan perkhidmatan, pengurusan prestasi, memastikan kemajuan kerjaya, keperluan tenaga kerja dengan kemahiran dan penempatan yang betul selaras dengan objektif dan matlamat strategik organisasi. Unit ini juga bertanggungjawab merancang pembangunan organisasi untuk memastikan Jabatan mempunyai struktur organisasi yang sesuai, jumlah perjawatan yang mencukupi dan tersusun supaya menjadi sebuah organisasi yang cekap dan berkesan.

## PERJAWATAN PNM

Pada tahun 2018, PNM mempunyai sebanyak 516 perjawatan pelbagai gred dan skim perkhidmatan termasuk perjawatan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs) berikutan pengambilalihan khidmat pengurusan dan sumber manusia PPANPs di bawah Perpustakaan Negara Malaysia sejak 16 Mei 2010. Ringkasan kedudukan perjawatan di Ibu Pejabat PNM adalah seperti berikut:

| BIL. | KATEGORI | BILANGAN | | |
|---|---|---|---|---|
| | | JAWATAN | ISI | KOSONG |
| 1. | PENGURUSAN TERTINGGI | 2 | 2 | 0 |
| 2. | PENGURUSAN & PROFESIONAL | 147 | 133 | 14 |
| 3. | PELAKSANA | 367 | 341 | 26 |
| **JUMLAH** | | **516** | **476** | **40** |

Dari keseluruhan perjawatan tersebut, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara adalah merupakan Ketua Perkhidmatan kepada lima (5) Skim Perkhidmatan seperti berikut:

| BIL. | JAWATAN | BIL. JAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | PUSTAKAWAN | 133 |
| 2. | PENOLONG PUSTAKAWAN | 51 |
| 3. | PEMBANTU PUSTAKAWAN | 148 |
| 4. | PEMBANTU OPERASI | 64 |
| 5. | PEMANDU | 13 |
| **JUMLAH** | | **409** |

Manakala skim perkhidmatan lain merupakan jawatan kader dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Arkib Negara Malaysia (ANM), Jabatan Perangkaan Malaysia, dan Jabatan Penerangan Malaysia.

## PERJAWATAN KADER PNM

PNM juga mempunyai sejumlah perjawatan pelbagai gred di bawah Ketua Perkhidmatan PNM yang ditempatkan di agensi-agensi yang menggunapakai skim perkhidmatan Pustakawan, Penolong Pustakawan dan Pembantu Pustakawan sebagai jawatan kader PNM seperti berikut:

| BIL. | JAWATAN | BIL. JAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | PUSTAKAWAN | 184 |
| 2. | PENOLONG PUSTAKAWAN | 207 |
| 3. | PEMBANTU PUSTAKAWAN | 953 |
| **JUMLAH** | | **1,344** |





# Lantikan Baharu

Seramai 4 orang Pembantu Pustakawan Gred S19 lantikan baharu telah melapor diri di BKPSM pada 05 Februari 2018. Program Orientasi Pegawai Lantikan Baharu telah diadakan yang bertujuan memberi pengetahuan dalam bidang perpustakaan dan maklumat kerana semua mereka yang dilantik bukan dari jurusan Sains Perpustakaan. Disamping itu mereka juga akan dinilai untuk kesesuaian penempatan. Program tersebut berkonsepkan taklimat dan lawatan ke Bahagian-Bahagian tertentu di PNM.

# Perpustakaan Desa PNM

Matlamat projek ini adalah untuk menggalakkan budaya membaca di kalangan pelajar dan masyarakat luar bandar serta membangunkan minda melalui pembacaan. Ini dapat membantu menangani jurang ilmu antara masyarakat bandar dan luar bandar. Ditubuhkan sejak tahun 2005, kini terdapat sebanyak 507 buah Perpustakaan Desa seluruh Negeri. Bagi merealisasikan matlamat ini, PNM telah diluluskan struktur perjawatan Perpustakaan Desa bertaraf 'Contract of Service' seperti berikut:

| GRED | JAWATAN | PENGISIAN | KOSONG |
|---|---|---|---|
| Penolong Pustakawan S29 | 128 | 128 | 0 |
| Pembantu Pustakawan S19 | 512 | 436 | 76 |
| Pembantu Operasi N11 | 512 | 394 | 118 |
| **JUMLAH** | **1152** | **958** | **194** |

# Perpustakaan Komuniti PNM

Perpustakaan Komuniti di pusat membeli-belah diharap dapat menyokong pendidikan sepanjang hayat individu dan kendiri serta pendidikan tidak formal kepada semua peringkat pembaca khususnya masyarakat setempat. Perpustakaan ini juga akan menjadi pusat sehenti untuk pembelajaran dan pertemuan sosial bagi masyarakat bandar pada waktu terluang atau sambil beriadah. Sehingga kini PNM telah diluluskan sebanyak 9 jawatan bertaraf 'Contract of Service' pelbagai skim gunasama iaitu Penolong Pustakawan Gred S29 (1 jawatan), Pembantu Pustakawan Gred S19 ( 4 jawatan) dan Pembantu Operasi Gred N11 (4 jawatan) di empat (4) buah Perpustakaan Komuniti seperti berikut:

i. Perpustakaan Komuniti AEON AU2, Setiawangsa (2011)
ii. Perpustakaan Komuniti AEON Mahkota Cheras (2011)
iii. Perpustakaan Awam Bukit Damansara Kuala Lumpur (2012)
iv. Perpustakaan Komuniti Mini-UTC Keramat Mall



# Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2018, urusan kenaikan pangkat turut dilaksanakan melibatkan skim-skim perkhidmatan di bawah Ketua Perkhidmatan, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara seperti berikut:

| BIL | JAWATAN | GRED | | JUMLAH PEGAWAI | CATATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | DARI | KEPADA | | |
| 1. | Pustakawan | S52 | S54 | 4 | |
| | | S48 | S52 | 11 | |
| | | S44 | S48 | 5 | |
| | | S41 | S44 | 6 | |
| | | S41 | S44 (Fleksi – S41/S44) | 22 | Pegawai yang telah berkhidmat 8 tahun ke atas. Memangku mengisi jawatan Fleksi S41/S44 |
| 2. | Penolong Pustakawan | S38 | S40 | 1 | |
| | | S32 | S38 | 6 | TBK2 |
| | | S29 | S32 | 3 | |
| | | S29 | S32 | 1 | TBK1 |
| 3. | Pembantu Pustakawan | S26 | S28 | 1 | |
| | | S22 | S26 | 2 | |
| | | S22 | S26 | 3 | TBK2 |
| 4. | Pembantu Operasi | N11 | N14 | 12 | KUP – *One Off* |

Petunjuk : KUP - Khas Untuk Penyandang TBK - *Time-Based* berasaskan Kecemerlangan



Majlis Penyampaian Surat Tawaran Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat pada 14 Disember 2018

# Pertukaran dan Penempatan

Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran Jabatan telah dilaksanakan sebanyak 4 kali pada tahun 2018 melibatkan semua skim perkhidmatan di bawah bidang kuasa Ketua Perkhidmatan, PNM.

# PERSARAAN

Pada tahun 2018, seramai 17 orang anggota PNM terlibat dalam urusan persaraan wajib, persaraan pilihan dan persaraan terbitan seperti berikut:

| BIL. | NAMA PESARA | JAWATAN/GRED | TARIKH PERSARAAN | JENIS PERSARAAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | NORIAH BINTI HARON<br>Pejabat Pengarah PIM | Setiausaha Pejabat Gred N32 | 02.01.2018 | Pilihan |
| 2. | SITI AISHAH BINTI OTHMAN<br>Bahagian Teknologi Maklumat | Pembantu Pustakawan Gred S22 | 09.02.2018 | Pilihan |
| 3. | DAHLAN BIN SAMAD<br>Pgh. Perkhidmatan Rujukan Dan Maklumat | Pustakawan Gred S54 | 26.03.2016 | Terbitan |
| 4. | NOOR AZNAH BINTI ZAKARIA<br>Bahagian Pembinaan Koleksi | Penolong Pustakawan Gred S38 | 10.04.2018 | Wajib |
| 5. | JAMA'IAH BINTI YUSOF<br>Bahagian Kandungan Digital | Pembantu Perpustakaan Gred S22 | 11.04.2018 | Wajib |
| 6. | ABD AZIZ BIN TAHIR<br>Bahagian Khidmat Nasihat Dan Perundingan | Pembantu Perpustakaan Gred S26 | 12.04.2018 | Wajib |
| 7. | HAMZAH BIN ELIAS<br>Bahagian Pemuliharaan | Pembantu Pemuliharaan Gred S26 | 16.06.2018 | Wajib |
| 8. | AB HAKIM BIN AB LATIF<br>Bahagian Komunikasi Korporat | Pembantu Perpustakaan Gred S26 | 27.06.2018 | Wajib |
| 9. | SAM BIN SANI<br>Bahagian Pembangunan Dan Perpustakaan Desa | Penolong Jurutera Gred J 29 | 10.07.2018 | Wajib |
| 10. | VITHYA AP SOKALINGAN<br>Bahagian Khidmat Nasihat Dan Perundingan | Pembantu Pustakawan Gred S19 | 27.07.2018 | Terbitan |
| 11. | SHARIFAH FATIMAH BINTI SYED NASIR<br>Bahagian Penyelidikan | Penolong Pustakawan Gred S38 | 01.09.2018 | Pilihan |
| 12. | DATIN MUNAZZAH BINTI HJ ZAKARIA<br>Pgh Pembangunan Koleksi | Pustakawan Gred S54 | 25.09.2018 | Wajib |
| 13. | ROHANA BINTI ABD. KADIR<br>Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (KUP) | 01.11.2018 | Pilihan |
| 14. | ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM<br>Bahagian Pembangunan Modal Insan | Penolong Pustakawan Gred S32 | 05.11.2018 | Wajib |
| 15. | ANISAH BINTI YUSOF<br>Pgh. Perpustakaan Cawangan Dan Komuniti | Pustakawan Gred S54 | 15.11.2018 | Wajib |
| 16. | KHADIBAH BINTI MISDI<br>Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (KUP) | 21.11.2018 | Wajib |
| 17. | HARLEEZA BINTI ABU HUSIN<br>Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara | Pustakawan Gred S52 | 01.01.2019 | Pilihan |



# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2018

APC merupakan penghargaan Kerajaan kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang yang mana mutu dan penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Seramai 37 orang anggota PNM telah dipilih sebagai penerima anugerah ini berdasarkan perkhidmatan cemerlang mereka sepanjang tahun 2018 seperti berikut:

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | BIL. | NAMA | GRED | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|
| **KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** | 1 | YAZID BIN IBRAHIM | S44 | PRMLN |
| | 2 | WAN NUR AZMA BINTI WAN ASIK | S44 | BKNP |
| | 3 | NIK IRFAH RUMAIZAH BINTI IBRAHIM | S44 | BPK |
| | 4 | BEGHUM ULFHAT SHEHNAAZ BINTI AMIR RAZLI | S44(M) | BPSA |
| | 5 | NUR AISHAH BINTI CHE RAIMI | S41 | BSE |
| | 6 | ZULIANA BINTI AB RASHID | S41 | BGLM |
| | 7 | AMY ZURINA BINTI ABDULLAH | S41 | PBN |
| **KUMPULAN PELAKSANA (DIPLOMA DAN STPM)** | 8 | ZULKAFLI BIN MOHEMAD ISA | N32 | BKPSM |
| | 9 | NUR AMALINA BT MOHAMED ANAWA | FA29 | BTM |
| | 10 | SUZAIMEE BINTI SHAIDIN | S29 | BPK |
| | 11 | NORSHAIRA BINTI MAT NAWI | W29(KUP) | BKPSM |
| | 12 | NUR JANNAH BINTI KASAN | W29(KUP) | BKPSM |
| **KUMPULAN PELAKSANA (SPM)** | 13 | KAMARIAH BINTI ABD RASHID | S26 | BPPD |
| | 14 | NORHAZILA BT HASSAN | N22 | PRM |
| | 15 | AIDA BINTI ARIPIN | S22 | PENYELIDIKAN |
| | 16 | MAZLAN BIN AHMAD | S22 | PPANP |
| | 17 | ROSWATI BINTI HARON | S22 | PBN |
| | 18 | HASLINDA BINTI ABDULLAH | S22 | BKD |
| | 19 | ISMAWANI BINTI ISMAIL | S22(TBBK) | BRSP |
| | 20 | MAZNI BINTI MANSOR | S22(TBBK) | BKK |





| KUMPULAN PERKHIDMATAN | BIL. | NAMA | GRED | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|---|
| **KUMPULAN PELAKSANA (SPM)** | 21 | MOHD IMRAN BIN ISHAK | S22(TBBK) | BSE |
| | 22 | MOHD NOOR BIN OTHMAN | S22(TBBK) | PPTN |
| | 23 | NORHAJAR BINTI ZAINAL ABIDIN | S22(TBBK) | PINJAMAN |
| | 24 | NURAZILAH BINTI MOHD.BASHIR | S22(TBBK) | BPK |
| | 25 | WAN YUZI BINTI WAN RAZALI | S22(TBBK) | PRMLN |
| | 26 | MUHAMAD KHAIRI BIN JA'AFAR | B19 | BSE |
| | 27 | SYAMALA DEVI A/P PANDIAN | N19 | BKPSM |
| | 28 | WAN AMIRUDDIN BIN WAN AYUB | N19 | BKPSM |
| | 29 | MOHD KAMAL BIN SHAHARUDDIN | N19 | PEMULIHARAAN |
| | 30 | NURAIN BINTI MOHD KAMIL | S19 | PPTN |
| | 31 | AHMAD ZAKI BIN ZAKARIA | S19 | PINJAMAN |
| | 32 | NAZRI BIN ZAINOL | S19 | PPANP |
| **KUMPULAN PELAKSANA (PMR)** | 33 | FAZIDAH BINTI ABDUL HAJAR | S19 | BPMI |
| | 34 | MAHENDRAN PILLAI A/L VATUMALAI | N14 | PBN |
| | 35 | KHAIRULEARMILI BIN JASSMI | N11 | BPPD |
| | 36 | MOHAMAD SAFRI BIN NIZAN | N11 | BGLM |
| | 37 | MOHD SHOKRY BIN ABD RAHMAN | N11 | PJBT KP |
| | 38 | MUHAMMAD ASHAARI BIN MD NOOR | N11 | PPTN |
| | 39 | MOHD SHUKRI BIN BAHARI | N11 (KONTRAK) | PPANP |



Penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018

# INTEGRITI

## UNIT INTEGRITI

### Inisiatif Pengukuhan Integriti Warga PNM

Bagi membentuk warga PNM yang berintegriti, Unit Integriti Perpustakaan Negara Malaysia ini telah melaksanakan beberapa inisiatif sepanjang tahun 2018 termasuk pengurusan tatatertib dan pengukuhan nilai-nilai murni. Ini bertujuan memastikan warga PNM sentiasa menjaga imej Jabatan dan kerajaan seterusnya menjadi warga yang sentiasa berkhidmat dengan penuh dedikasi dalam memberi nilai perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Selain melaksanakan penguatkuasaan dan kawalan dalaman, sebanyak 4 inisiatif pengukuhan Integriti kepada warga PNM dijalankan sepanjang tahun 2018.








# Semakan Pematuhan

Semakan pematuhan adalah sebahagian daripada pemeriksaan mengejut yang dijalankan oleh Unit Integriti bagi memastikan pegawai PNM mematuhi peraturan dan tatacara Pegawai Awam yang sedang berkuatkuasa. Sepanjang tahun 2018, Unit Integriti telah menjalankan pemeriksaan terhadap penerimaan perolehan yang melibatkan bahagian berikut:

| BIL | NAMA PEROLEHAN / PEMBEKALAN | BAHAGIAN |
|---|---|---|
| 1. | Penerimaan Perolehan Bagi Pembekalan Bahan Pemprosesan Bahan-Bahan Perpustakaan Bagi Tahun 2018 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 2. | Penerimaan Perolehan Bagi Pembekalan Bahan Sumber Media (Terbitan Luar Negara) Bil.1/2018 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 3. | Penerimaan Perolehan Bagi Pembekalan Label Barcode Sumber Media (CD Dan DVD) dan Bahan Monograf | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 4. | Penerimaan Perolehan Bagi Pembekalan Bahan Monograf (Terbitan Dalam Negara) Bil.2/2018 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 5. | Penerimaan Perolehan Bagi Program Kalam Karyawan Siri 2 Tahun 2018 yang diadakan pada 1 November 2018 | Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara |
| 6. | Penerimaan Perolehan Bagi Program Singgah Santai@PNM Siri 5/2018 yang diadakan pada 3 November 2018 | Bahagian Pinjaman |
| 7. | Penerimaan Perolehan Bagi Bengkel Teknik Bercerita Keluarga pada 7 November 2018 | Bahagian Gerakan Literasi Maklumat |
| 8. | Penerimaan Perolehan Bagi Seminar Hang Tuah yang diadakan pada 29 November 2018 | Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu |
| 9. | Penerimaan Perolehan Bagi Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Gunasama Kumpulan Pelaksana 2018 yang diadakan pada 26 November 2018 | Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan |



# PERKHIDMATAN KORPORAT

## BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

### Mesyuarat-Mesyuarat Utama Jabatan

| BIL | NAMA MESYUARAT | KPI 2018 |
| --- | --- | --- |
| 1. | Mesyuarat Pengurusan | 10 kali |
| 2. | Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) | Satu kali |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana MS ISO 9001:2008 | Dua kali |
| 4. | Mesyuarat Akta dan Dasar | Tiga Kali |

### Mesyuarat Persidangan Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Universiti (PERPUN)

Mesyuarat PERPUN yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PNM dan ahli-ahlinya terdiri daripada ketua-ketua pustakawan IPTA/IPTS dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) telah diadakan pada 9 April 2018 dan 17 Julai 2018 di Bilik Mesyuarat LEMBAGA, Aras 15, Menara PNM.

### Urusan Parlimen

Pada tahun 2018, PNM menerima sebanyak 12 pertanyaan parlimen iaitu lapan pertanyaan Dewan Rakyat dan empat pertanyaan Dewan Negara.

DEWAN RAKYAT
8

DEWAN NEGARA
4

JUMLAH
12



## Persidangan Antarabangsa

Pada 2-5 Mei 2018, telah berlangsung **17th Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL XVII)**. Persidangan pada kali ini telah diadakan di Naypyitaw, Myanmar dengan bertemakan *'Next Generation Libraries: Collaborate and Connect'*.

***The 26th Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania 2018 (CDNLAO 2018)*** telah diadakan di Naypyitaw, Myanmar bersempena 17th Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL XVII) pada 2 Mei 2018. Persidangan ini yang bertemakan *'Preserving Culture by the National Libraries'* telah dihadiri oleh Ketua Pustakawan dari negara-negara Asia dan Oceania.

***Silk Road Library Alliance Forum & Chinese Library Annual Conference 2018*** di Chengdu and Langfang, China pada 26 Mei – 2 Jun 2018

**IFLA World Library Conference 2018** telah diadakan di **Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)** pada **24 hingga 30 Ogos 2018** dengan tema persidangan ***"Transform Libraries, Transform Societies"***.

Sempena IFLA WLIC 2018, **Conference of Directors of National Libraries (CDNL)** telah diadakan pada 27 Ogos 2018 di Istana Negara

## Lawatan dan Program/Aktiviti PNM dengan Kedutaan Asing dan Badan Antarabangsa Tahun 2018

BPSA PNM merupakan *focal point* dan urus setia bagi hal ehwal antarabangsa di Jabatan. Bagi tahun 2018, PNM telah menerima 25 lawatan di samping mengadakan program/aktiviti dengan kedutaan asing dan badan antarabangsa. Antaranya ialah Kunjungan Hormat Universitas Islam Negeri (UIN) Raden Fatah Palembang & Istana Para Pemimpi Community Makasar, *Launching of the Book* "Sejarah Tamadun dan Budaya Rusia"*(The History of the Russian Civilization & Culture), Contemporary Cubaan Art Exhibition*, Kunjungan Hormat Mr Ian Denison & Sekretariat KL WBC 2020 serta Lawatan Yayasan Sukarelawan Siswa.

## Jemputan ke Perasmian Qatar National Library

PNM telah dijemput untuk menghadiri Majlis Perasmian Qatar International Library yang berlangsung di Doha, Qatar pada 16 April 2018. Majlis ini telah dihadiri oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.




Lawatan daripada Universitas Muhammadiyah Sukabumi Indonesia ke Perpustakaan Negara Malaysia



Lawatan *Embassy of the Kyrgyz Republic* ke Perpustakaan Negara Malaysia

# BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

## Keahlian PNM

Sepanjang tahun 2018, PNM telah menerima seramai 19,501 orang ahli baru. Dalam usaha meningkatkan keahlian perpustakaan dan mempromosikan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia kepada orang ramai, pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya sesi penjelajahan ke 33 lokasi di Lembah Klang khususnya di sekolah, kolej dan jabatan kerajaan/swasta.

## Maklum Balas Pelanggan

Maklum balas pelanggan merupakan salah satu platform kepada pengguna PNM untuk memberi cadangan ataupun aduan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PNM supaya perkhidmatan yang diberi dapat memenuhi kehendak dan kepuasan hati pelanggan. Sehubungan itu, bagi tahun 2018, sebanyak 67 maklum balas telah diterima daripada 43 orang pengguna. Isu yang diterima merangkumi perkhidmatan, koleksi, kemudahan dan keselamatan bangunan serta kemudahan dan keselamatan ICT. Kategori maklum balas adalah seperti berikut :

32 ADUAN

15 CADANGAN

20 PENGHARGAAN

## Publisiti Dan Promosi Aktiviti Jabatan

Perpustakaan Negara Malaysia juga telah mendapat sebanyak 144 liputan media massa yang terdiri daripada media cetak dan media elektronik. Selain itu juga, sebanyak 310 artikel telah disiarkan di dalam media cetak dan media atas talian mengenai program-program yang dianjurkan oleh PNM. Antara media yang membuat liputan adalah seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, Sinar Harian, dan lain-lain lagi.



Sesi temubual bersama YBhg. Dato' Nafisah Ahmad Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia oleh Bernama TV

# PAMERAN

Pameran merupakan wadah penyampaian maklumat perkhidmatan dan koleksi PNM kepada pengunjung. Bagi tahun 2018, sebanyak 41 pameran telah diadakan di dalam dan luar jabatan. PNM juga telah mewujudkan pameran maya yang membolehkan pengguna merujuk pameran tersebut melalui portal PNM.



Antara Pameran yang diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia

# LAWATAN

Sepanjang tahun 2018, PNM telah menerima sebanyak 108 lawatan yang terdiri dari pelawat dalam Negara seramai 5,043 orang. Mereka terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah dan orang awam. Bagi lawatan luar negara, sebanyak 18 lawatan telah diterima dengan jumlah pelawat sebanyak 752 orang.



Lawatan Sambil Belajar Sukarelawan Siswa ke Perpustakaan Negara Malaysia



Lawatan Penanda Aras Universiti Malaysia Terengganu ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia

# PENERBITAN

Penerbitan merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan oleh PNM dalam usaha menyebar luas maklumat kepada masyarakat. Sebanyak empat belas (14) penerbitan telah di terbitkan dalam bentuk bercetak dan 10 penerbitan diterbitkan secara atas talian.

# BAHAGIAN GERAKAN LITERASI MAKLUMAT

## PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Seiring dengan misi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) iaitu menjadi pengerak utama memupuk budaya membaca rakyat Malaysia, PNM sebagai urus setia Kempen Membaca Peringkat Kebangsaan telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti Galakan Membaca pada tahun 2018. Pelaksanaan aktiviti dan program ini merupakan hasil jalinan dan kerjasama yang diadakan secara terus dengan pelbagai pihak seperti Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Khusus Gunasama, Perpustakaan Desa, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Badan Berkanun serta badan-badan bukan Kerajaan.

## GALERI AKTIVITI GALAKAN MEMBACA

### Knowledge Garden@Kampung Buku Langkawi




Sesi Bercerita Bersama Kak Zai turut disertai oleh Dato' Nafisah Ahmad (Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia) dan Datuk Rashidi Hasbullah (Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia)




Lawatan ke tapak aktiviti oleh YBhg. Datuk Rashidi Hasbullah (Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia) dan YBhg. Dato' Nafisah Ahmad (Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Rangkaian Televisyen Media Prima Berhad, Datuk Seri Farid Ridzuan







Ketua Pengarah PNM, Dato' Nafisah Ahmad memberikan cenderahati kepada pelajar yang menyertai pertandingan mewarna.

# Kem Membaca 1Malaysia Peringkat Kebangsaan 2018




Pegawai PNM sedang memberikan taklimat penggunaan perkhidmatan u-Pustaka kepada guru-guru sekolah di Kem Membaca 1Malaysia Peringkat Kebangsaan 2018 pada 3 April 2018



Antara guru sekolah sedang mengakses perkhidmatan u-Pustaka menggunakan telefon pintar mereka.



Bengkel perkhidmatan Perpustakaan Digital PNM kepada pelajar sekolah.



Pegawai PNM membantu guru sekolah untuk mendaftar sebagai ahli u-Pustaka secara atas talian.











Aktiviti Manuskrip Melayu dan Semarak Jawi di reruai Perpustakaan Negara Malaysia

# Program Karnival Ilmu & Seni : Jom Baca@PD Kampung Seri Jeram

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati bt Hj Samsudin (Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia) merasmikan program Karnival Ilmu dan Seni di Kampung Seri Jeram pada 5 Mei 2018






Antara pengunjung yang menyertai aktiviti kraf di reruai Perpustakaan Negara Malaysia




Aktiviti bercerita bersama YB Menteri di dalam Perpustakaan Desa Kampung Seri Jeram.

# Kem Tulisan Jawi 2018




Penceramah Kem Tulisan Jawi sedang memberikan penerangan kepada peserta



Peserta kem menjawab soalan yang diberikan oleh penceramah.



Peserta tekun mencuba untuk membentuk huruf jawi dengan menggunakan *straw*



Sesi bergambar peserta Kem Tulisan Jawi tahun 2018 bersama Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia pada 2 - 3 julai 2018

# Program Secangkir Kopi dan Sebuah Buku: Membaca Pada Usia Emas




Majlis Perasmian disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Presiden Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia pada 7 Ogos 2018 di Perpustakaan Negara Malaysia







Bacaan Kegemaran Saya oleh YBhg. Dato' Nik Mohd. Kamil Nik Daud, Timbalan Yang Di-Pertua Persatuan Pesara Kerajaan Wilayah Persekutuan (gambar kiri) dan Tuan Zyed Ahmad Hassan (Penulis)




Forum: Membaca Pada Usia Emas oleh YBhg. Dato' Hj. Mohd. Shariff bin Osman, Yang Di-Pertua Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Wilayah Persekutuan dan Puan Hasmah Hitam (Penulis)

# Karnival Semarak Jawi 2018




Penyampaian hadiah kepada Johan Pertandingan Jom Eja Jawi



Lawatan ke tapak pameran



Tetamu VVIP dan pemenang pertandingan Jom Eja Jawi bergambar bersama sempena Karnival Semarak Jawi 2018 pada 19 - 20 Oktober 2018 di Muar, Johor




Sekitar aktiviti Karnival Semarak Jawi 2018

# Bengkel Teknik Bercerita Keluarga




Bonda Mahaya selaku penceramah bagi Bengkel Teknik Bercerita Keluarga yang diadakan pada 7 - 8 November 2018






Persembahan teknik bercerita yang disampaikan oleh peserta yang menghadiri kursus







# Karnival Membaca Belia Dan Hari Terbuka UTM KL 2018




Majlis Perasmian Karnival Membaca Belia dan Hari Terbuka UTM KL 2018. disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia



YBhg. Prof. Dr. Shamsul bin Sahibuddin Pro Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia menulis tulisan khat jawi.



Sesi Sembang Orang Muda "Membaca Pencetus Minda Kelas Pertama".



Sesi bergambar program Karnival Membaca Belia dan Hari Terbuka UTM KL 2018 pada 27 November 2018





# PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT (LMM)

Program Literasi Media dan Maklumat (LMM) Perpustakaan Negara Malaysia telah dimulakan pada tahun 2010 dengan dikenali sebagai Program Outreach: Bengkel Pencarian Maklumat dan Pempakejan Maklumat. Tiga buah sekolah telah dipilih sebagai program rintis iaitu Sek. Men. Keb. Bandar Baru Sentul, Sek. Men. Keb. Puteri Wilayah dan Sek. Men. Keb. Puteri Ampang, Kuala Lumpur. Seramai 110 pelajar telah menyertai program rintis ini.

Objektif pelaksanaan program LMM ialah untuk menyebar luas kepentingan literasi maklumat kepada masyarakat amnya dan kepada kumpulan sasaran khususnya; menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan masyarakat bermaklumat yang berkualiti; meningkatkan kemahiran teknik pencarian, penilaian, penggunaan, pengurusan, dan penyebaran maklumat secara berkesan, tepat dan beretika; serta menaikkan imej Perpustakaan sebagai ejen literasi maklumat yang terbaik.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 70 program telah dilaksanakan dengan jumlah penyertaan seramai 5,500 orang. Daripada jumlah ini, 9 program berkonsepkan latihan untuk jurulatih (ToT) turut dilaksanakan dengan jumlah penyertaan seramai 930 orang terdiri dari guru, pensyarah, kakitangan perpustakaan gunasama dan pengawas sekolah. Jumlah kumulatif program LMM dari tahun 2010 sehingga 2018, adalahsebanyak353 program dengan penyertaan seramai 27,834 orang.

Program utama yang dilaksanakan termasuklah Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) yang diadakan pada 4 - 6 April 2018, di Ipoh, Perak, 2 siri Bengkel LMM Training of Trainer (ToT) Guru Perpustakaan dan Media dengan kerjasama BTPN Kelantan pada 12 Mac 2018 dan BTPN Perak pada 4 April 2018, Bengkel LMM *Training of Trainer (ToT)* kepada pensyarah MARA pada 15 Oktober 2018, dan Sambutan Minggu Literasi Media dan Maklumat sempena Global Media and Information Literacy (MIL) Week oleh UNESCO pada 24 Oktober – 1 November 2018.

Kumpulan sasaran program LMM terdiri dari segenap lapisan masyarakat seperti kanak-kanak prasekolah, pelajar sekolah rendah dan menengah, kolej, institut pengajian tinggi awam dan swasta, institut latihan dan kemahiran, golongan professional, pesara dan orang awam. Penyertaan paling ramai adalah dari kalangan pelajar sekolah menengah iaitu berjumlah lebih 10,000 orang. Pelaksanaan program ini membawa impak positif kepada peserta dalam mempelbagaikan medium pencarian, meningkatkan tahap literasi maklumat dan akan memberi nilai tambah kepada pengetahuan dan kompetensi peserta.

## Pelaksanaan Program Literasi Media dan Maklumat secara *Training of Trainer (ToT)* 2018

| BIL | KATEGORI PESERTA TOT | BILANGAN PROGRAM | BILANGAN PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Guru Perpustakaan dan Media (GPM) | 3 | 378 |
| 2. | Pensyarah | 1 | 138 |
| 3. | Staf Perpustakaan | 2 | 58 |
| 4. | Pengawas PSS/Pelajar SMK | 1 | 308 |
| 5. | Lain-lain (Staf BTP, INTAN) | 2 | 48 |
| | **JUMLAH :** | **9** | **930** |



# Program Literasi Media dan Maklumat 2010 – 2018 (Pecahan Mengikut Kumpulan Sasaran)

| TAHUN | KANAK-KANAK | REMAJA | PENUNTUT IPT | PENDIDIK | K/TGN KERAJAAN | K/TGN PTAKAAN | K/TGN SWASTA | KOMUNITI AWAM | NGO | GOLONGAN KHAS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2010 | - | 3 (110) | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 2011 | - | 10 (446) | - | - | - | - | - | - | - | - |
| 2012 | 2 (244) | 30 (1,878) | - | - | 5 (164) | - | - | - | - | - |
| 2013 | 2 (65) | 8 (528) | - | 4 (188) | 3 (143) | 9 (732) | - | - | 1 (44) | - |
| 2014 | 4 (94) | 10 (781) | - | 8 (481) | 5 (161) | 13 (380) | - | 2 (140) | - | - |
| 2015 | 6 (650) | 6 (740) | - | 9 (459) | 5 (1,046) | 5 (293) | - | 3 (210) | - | - |
| 2016 | 5 (406) | 18 (3,145) | - | 11 (470) | 11 (490) | 10 (651) | - | 3 (235) | 1 (20) | 2 (125) |
| 2017 | 1 (34) | 17 (1,515) | 10 (347) | 16 (1,714) | 6 (317) | 5 (265) | - | 7 (1,139) | - | 1 (80) |
| 2018 | 3 (78) | 10 (1,564) | 17 (1,721) | 14 (908) | 9 (426) | 13 (335) | 1 (15) | 3 (191) | 1 (15) | - |
| **JUMLAH** | **23 sesi (1,571) peserta** | **112 sesi (10,707) peserta** | **27 sesi (2,068) peserta** | **62 sesi (4,220) peserta** | **44 sesi (2,747) peserta** | **55 sesi (2,656) peserta** | **1 sesi (15) peserta** | **18 sesi (1,915) peserta** | **3 sesi (79) peserta** | **3 sesi (205) peserta** |





# Bengkel Literasi Media dan Maklumat Secara *Training of Trainers (ToT)* kepada guru perpustakaan dan media sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di Negeri Kelantan



Para peserta yang menyertai Bengkel Literasi Media dan Maklumat Secara *Training of Trainers (ToT)* di Kelantan pada 24 Oktober 2018






Antara penceramah yang menjayakan bengkel ini

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI) bertanggungjawab dalam mengendalikan program pembangunan modal insan yang merangkumi kursus, bengkel, ceramah, seminar dan peperiksaan bagi meningkatkan kompetensi diri, kerjaya dan kecemerlangan pemilik kompetensi. Program yang dirancang adalah khusus untuk kakitangan PNM serta penyertaan terbuka kepada anggota Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan, Badan Berkanun, Badan Bukan kerajaan dan Sektor swasta. BPMI juga sedia memberikan bantuan kepada mana-mana institusi yang bercadang untuk menjalin kerjasama dari aspek latihan dan penempatan kakitangan di PNM.

## Pelaksanaan Program

Pada tahun 2018, BPMI telah melaksanakan program latihan yang melibatkan seramai 1,920 orang peserta mengikut pecahan seperti yang berikut:








# 84TH INTERNATIONAL FEDERATION OF LIBRARY ASSOCIATIONS AND INSTITUTIONS: WORLD LIBRARY AND INFORMATION CONGRESS 2018 (84TH IFLA WLIC 2018) DI PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR DARI 24 HINGGA 30 OGOS 2018

Jabatan telah berjaya menghantar seramai 100 orang peserta ke persidangan berprestij ini. Melalui persidangan ini, para peserta telah dapat berkongsi dan menyalurkan maklumat terkini, idea dan inovasi dalam bidang perpustakaan dan pengurusan maklumat merangkumi pelbagai bidang kepakaran melalui pustakawan dari seluruh dunia yang menghadiri persidangan ini. Ianya juga menjadi platform terbaik dalam membangun dan menggubal dasar-dasar serta berkongsi amalan terbaik dalam bidang perpustakaan dan pengurusan maklumat.

BPMI juga bertanggungjawab mengurus kakitangan PNM ke luar negara bagi urusan rasmi seperti yang berikut:

| BIL | TARIKH | PROGRAM |
|---|---|---|
| 1. | 24 – 27 Feb | Jemputan Rasmi Sempena Perayaan Ulang Tahun ke 80 Penubuhan Perpustakaan Negara Republik Islam Iran dihadiri oleh YBhg. Dato' Nafisah binti Ahmad, Ketua Pengarah PNM. |
| 2. | 15 – 17 April | Jemputan Rasmi Pembukaan Perpustakaan Negara Qatar dihadiri oleh YBhg. Dato' Nafisah binti Ahmad, Ketua Pengarah PNM. |
| 3. | 1 – 6 Mei | CONSAL, Myanmar yang dihadiri oleh Puan Maizan binti Ismail, Timbalan Ketua Pengarah PNM. |
| 4. | 21 - 22 Mei | *International Exhibition Changes of Capital Art and The Changes at National Academic Library of Kazakhstan* yang dihadiri oleh Encik Faizal Hilmie bin Yusof iaitu Timbalan Pengarah Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu. |
| 5. | 27 Mei – 2 Jun | *International Forum For Libraries And The International Summit On The Convergence Of Libraries And Bookstores: Reading, Cities And Culture & Annual Conference Of Chinese Libraries, The Republic Of China* yang dihadiri oleh YBhg. Dato' Nafisah binti Ahmad, Ketua Pengarah PNM serta Puan Beghum Ulfhat Shehnaaz binti Amir Razli, Penolong Pengarah Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa. |
| 6. | 7 - 15 Ogos | Pameran Sejarah Acheh sempena Pekan Kebudayaan Acheh, Indonesia yang dihadiri oleh Encik Faizal Hilmie bin Yusof iaitu Timbalan Pengarah Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu. |



# PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

# PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN DESA

### PROJEK PEMBANGUNAN

Perpustakaan Negara Malaysia telah mendapat sebanyak 2 projek bawah RMKe-11 dan Projek Sambungan RMKe-10. Projek-projek yang diterima adalah seperti berikut:



# Perasmian Perpustakaan Desa Dan Karnival Membaca 2018

PNM telah berjaya melaksanakan pelbagai program galakan membaca dan majlis perasmian perpustakaan desa di seluruh negara sepanjang tahun 2018. Perpustakaan Desa baru yang dibina di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 telah berjaya dirasmikan sebanyak 2 unit pada tahun 2018 iaitu:

(i) Perpustakaan Desa RPR 2 Sauk, Kuala Kangsar Perak
(ii) Perpustakaan Desa Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar Perak

PNM juga telah berjaya menjayakan Majlis Perasmian Karnival Membaca@Kati di Perpustakaan Desa Kampung Kati, Kuala Kangsar, Perak. Perpustakaan ini merupakan perpustakaan yang dibina di bawah Perbadanan Perpustakaan Negeri Perak. Majlis-majlis perasmian ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Mohamad Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, merangkap Ahli Parlimen Kuala Kangsar.

# Sekitar Majlis Perasmian Perpustakaan Desa RPA Sauk, Kuala Kangsar, Perak




Majlis Perasmian PD RPA Sauk 2, Kuala Kangsar, Perak oleh Dato' Seri Mohamad Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, merangkap Ahli Parlimen Kuala Kangsar




Aktiviti Membaca Bersama Dato' Seri Mohamad Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz di PD RPA Sauk 2 pada 14 April 2018

# Sekitar Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kg. Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Perak




Majlis Perasmian PD Kg. Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Perak oleh Dato' Seri Mohamad Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, merangkap Ahli Parlimen Kuala Kangsar pada 30 April 2018




Aktiviti Membaca dan Kuiz Bersama Dato' Seri Mohamad Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz di PD Kg. Kota Lama Kanan

# Sekitar Karnival Membaca@Kati, Kuala Kangsar, Perak



Penyampaian Penghargaan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Rashidi bin Hasbullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia




YBhg. Datuk Rashidi bin Hasbullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sedang beramah mesra bersama peserta Aktiviti Literasi Maklumat

# BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai peneraju kepimpinan dalam bidang perpustakaan dan kepustakawanan bertanggungjawab membantu agensi kerajaan menubuh atau mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan di dalam negara sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi Segala Pindaan Hingga 1 Januari 2006)(Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2) (b) :

*"memberikan khidmat nasihat dan membantu dalam perancangan dan perkembangan Perpustakaan di peringkat kebangsaan;"*

Dan Bahagian II Seksyen 4(2) (i) :

*"menggalakkan penubuhan suatu rangkaian Perpustakaan khusus selaras dengan piawaian kebangsaan bagi mengadakannya."*

Melalui Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP), PNM menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan perundingan kepada organisasi yang merancang menubuhkan perpustakaan baharu atau menaik taraf perkhidmatan perpustakaan sedia ada.

## Khidmat Nasihat



Sebanyak 30 buah perpustakaan telah menerima khidmat nasihat berkaitan pentadbiran dan pengurusan perpustakaan mengikut standard yang telah ditetapkan. Khidmat nasihat ini diberikan mengikut jadual yang dirancang atau berdasarkan keperluan di luar jangkaan kepada agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Antara perpustakaan yang terlibat adalah perpustakaan di Pusat Pembangunan Profesional Institut Perakaunan Negara (IPNCPD), Cyberjaya, Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) KEMENTAH Kuala Lumpur, Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis, Institut Aminuddin Baki, Jitra, Kedah dan Darul Quran, Kuala Kubu Bharu, Selangor.



## Khidmat Perundingan

Khidmat perundingan juga diberikan kepada pihak luar seperti perpustakaan badan berkanun, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu berdasarkan permohonan yang diterima oleh PNM. Khidmat perundingan ini bertujuan untuk merancang sama ada pembinaan infrastruktur, pengisian koleksi, struktur penjawatan atau jenis perkhidmatan perpustakaan yang diperlukan. Sebanyak 18 buah perpustakaan telah menerima khidmat perundingan pada tahun 2018. Antaranya Masjid At-Taqwa, Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur, Pusat Sumber Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi, Putrajaya, SUHAKAM, Kuala Lumpur dan Galeri Karak, Bentong, Pahang.



# Perpustakaan Khusus Gunasama

Sebanyak 557 buah Perpustakaan Khusus Gunasama yang terdapat di Kementerian /Jabatan / Institusi Kerajaan di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan daripada PNM. Koleksi di Perpustakaan Khusus Gunasama adalah bersifat spesifik dan perpustakaan ini diketuai oleh pegawai kader pelbagai gred daripada Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan berdasarkan saiz perpustakaan berkenaan. Jumlah perpustakaan di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan adalah seperti berikut:

| KLUSTER | PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNASAMA |
|---|---|
| Kementerian/ Jabatan Persekutuan | 109 |
| Akademik (Politeknik/IPG/Kolej Matrikulasi/Kolej Komuniti) | 159 |
| Institut Latihan /Penyelidikan | 99 |
| Perpustakaan Mahkamah / Perundangan | 43 |
| Perpustakaan Perubatan / Kesihatan (Hospital/Institut Latihan/ Institusi Kesihatan) | 87 |
| Perpustakaan Institusi Keselamatan | 60 |
| **JUMLAH** | **557** |





# Statistik Perjawatan Perpustakaan Khusus Gunasama

Sehingga tahun 2018, sebanyak 1,335 perjawatan bagi Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di 557 buah Perpustakaan Khusus Gunasama di seluruh Malaysia. Statistik perjawatan bagi Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan adalah seperti berikut:

| BIL. | GRED | BIL. PERJAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | S54 | 1 |
| 2. | S52 | 3 |
| 3. | S48 | 10 |
| 4. | S44 | 30 |
| 5. | S41 | 140 |
| 6. | S38 | 2 |
| 7. | S32 | 20 |
| 8. | S29 | 185 |
| 9. | S26 | 2 |
| 10. | S22 | 82 |
| 11. | S19 | 869 |
| | **JUMLAH** | **1,344** |



Para Pegawai yang menghadiri Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Gunasama Kumpulan Pengurusan dan Profesional 2018 pada 12 Julai 2018 di Wisma Sejarah Kuala Lumpur

# BAHAGIAN PENYELIDIKAN

PNM satu-satunya jabatan yang bertanggungjawab mengumpul statistik perkhidmatan perpustakaan di Malaysia secara menyeluruh. Data-data yang tersedia dan terkumpul akan dikongsi secara bersama untuk penerbitan agensi dan jabatan lain seperti Jabatan Perangkaan, EPU, ICU, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

## FAKTA RINGKAS PERANGKAAN PNM 2018

### Ahli Berdaftar PNM & u-Pustaka

| 49.7% PNM | 39,272 | 50.3% u-Pustaka |
|---|---|---|
| 19,501 | | 19,771 |
| 9.5% Kanak-Kanak | | 90.5% Dewasa |

### Pengunjung PNM

| Fizikal | Jumlah | Maya |
|---|---|---|
| 412,106 | 694,000 | 281,894 |
| 59.4% | | 40.6% |

### Pengguna PNM

10,577,557

Fizikal 379,506

Dalam Talian 10,198,051

### Peminjaman Bahan PNM

Fizikal 367,589

Dalam Talian 115,575

### Bahan Dirujuk PNM

1,650,185

Fizikal 391,379

Dalam Talian 1,158,806

### Ahli Berdaftar

| | |
|---|---|
| PNM | 39,272 |
| KOMUNITI | 872 |
| DESA | 78,558 |
| | 118,702 |

### Pengunjung Fizikal

| | |
|---|---|
| PNM | 412,106 |
| KOMUNITI | 86,066 |
| DESA | 2,615,244 |
| | 3,113,416 |

### Pengguna Fizikal

| | |
|---|---|
| PNM | 379,506 |
| KOMUNITI | 86,066 |
| DESA | 2,269,314 |
| | 2,734,886 |

### Peminjaman Bahan Fizikal

| | |
|---|---|
| PNM | 367,589 |
| KOMUNITI | 45,939 |
| DESA | 2,325,748 |
| | 2,739,276 |

### Bahan Dirujuk Fizikal

| | |
|---|---|
| PNM | 391,379 |
| KOMUNITI | 13,407 |
| DESA | 2,694,778 |
| | 3,099,564 |

# PEMBANGUNAN KOLEKSI

## PUSAT BIBLIOGRAFI NEGARA

### PENDOKUMENTASIAN

**04 Indeks**

Sebanyak 3,077 entri kertas kerja daripada persidangan/seminar dan 2,782 entri artikel majalah/jurnal telah diindeks dan direkodkan ke dalam pangkalan data dalam talian.

**03 Sumber Elektronik**

Sebanyak 1,000 judul bahan sumber elektronik yang diterima di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986* (Akta 331) telah didokumentasi.

**02 Terbitan Bersiri**

Sebanyak 304 judul bahan terbitan bersiri yang diterima di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986* (Akta 331) telah didokumentasi.

**01 Monograf**

Sebanyak 10,547 judul bahan monograf yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) telah didokumentasi untuk dihantar ke perkhidmatan Malaysiana dan Koleksi Negara sebagai bahan rujukan.

### PERKHIDMATAN KEPADA PENERBIT (PKP)

**PDP**

Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

- 6,199 judul data (judul baru terbitan Malaysia) dikeluarkan.

**ISBN**

*International Standard Book Number*

- 22,200 nombor ISBN telah diberikan (673 kerajaan, 265 bukan kerajaan dan 605 individu)
- 944 penerbit baru telah didaftarkan

**ISSN**

*International Standard Serial Number*

- 371 nombor ISSN telah diberikan

# PUSAT PENYERAHAN TERBITAN NEGARA

Pusat Penyerahan Terbitan Negara (PPTN), Perpustakaan Negara Malaysia melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) bertanggungjawab memastikan penerbit menyerahkan lima (5) naskhah bahan bercetak dan dua (2) unit bahan bukan bercetak yang diterbitkan di Malaysia kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Bahan-bahan akan disimpan, dipulihara seterusnya dijadikan sebagai bahan rujukan dan warisan intelek negara.

Pada tahun 2018, sebanyak 21,840 judul/148,789 naskhah bahan telah diterima di bawah Akta 331. Daripada jumlah tersebut sebanyak 14,209 judul/65,603 naskhah merupakan bahan baharu yang diterima di bawah Akta 331 dan didaftarkan untuk dijadikan sebagai Koleksi Negara.

Penghantaran bahan Koleksi Negara ke Pusat Penyimpanan Luar Koleksi Negara Zon Sabah (PPLKN-S) adalah sebanyak 25,165 naskhah di Perpustakaan Negeri Sabah.

## Aktiviti Pusat Penyerahan Terbitan Negara

### Pengesanan dan Promosi Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)

PPTN telah melaksanakan aktiviti pengesanan dan promosi Akta 331 kepada penerbit seluruh Malaysia sebagai agenda tahunan dan telah melaksanakan promosi kepada 681 penerbit (kerajaan, bukan kerajaan dan perseorangan). Ini adalah juga untuk memastikan penerbit di Malaysia sentiasa mematuhi Akta 331. Aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut:




### Majlis Pelancaran Buku Terbaharu Syarikat Galeri Ilmu Pelan-Pelan Kayuh dan Throwback, Penulis Bonda Nor

Majlis pelancaran buku ini merupakan kerjasama di antara Galeri Ilmu Media Group dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Majlis telah diadakan pada 17 Mac 2018 di Bilik Serbaguna, Aras 1, Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia.





Pelancaran buku ini telah disempurnakan oleh Sasterawan Negara Ke-13 iaitu, YBhg. Dato' Dr. Zurinah Hasan. Ia merupakan satu pengiktirafan terhadap tokoh tersebut yang banyak menyumbang dalam mengangkat industri penerbitan buku di Malaysia.



Sasterawan Negara Dato' Dr. Zurina Hassan melancarkan buku terbaru syarikat Galeri Ilmu

## Majlis Pelancaran Buku Cancer: My Wake Up Call, Penulis James Oh

Majlis Pelancaran Buku "*Cancer: My Wake Up Call*" telah diadakan pada 15 November 2018 (Khamis), di Bilik Serbaguna, Aras 1, Anjung Bestari Perpustakaan Negara Malaysia. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Nafisah binti Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Antara pengisian aktiviti semasa Majlis Pelancaran Buku adalah jualan buku, pameran mini berkaitan penyakit kanser, ulasan buku oleh penulis dan perkongsian pengalaman pejuang kanser iaitu Encik Jim Kow.

Seramai 130 orang jemputan telah menghadiri majlis pelancaran buku ini. Majlis ini juga telah mendapat liputan dari pihak media iaitu Astro Awani Online dan Sinar Online.

## Seminar Sehari Bersama Penerbit 2018

Seminar Sehari Bersama Penerbit 2018 merupakan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Seminar ini diadakan pada 21 November 2018 (Rabu), bertempat di Auditorium Aras 2, Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nafisah binti Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Seminar ini merupakan salah satu program kesedaran kepentingan serahan bahan di bawah Akta 331 dalam usaha membina dan memperkukuhkan Koleksi Negara sebagai Pusat Kecemerlangan Warisan Intelek Negara. Penganjuran seminar ini merupakan salah satu langkah PNM dalam menyokong pelaksanaan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia pada tahun 2020 dengan pengumpulan dan pengukuhan intelek negara melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331).

Seramai 199 peserta telah menghadiri seminar ini yang terdiri dari penerbit kerajaan, penerbit swasta, pustakawan gunasama, pelajar dan pensyarah dari Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Puncak Perdana, pesara yang terlibat dalam industri perbukuan dan juga kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia. Seminar ini telah mendapat liputan akhbar Berita Harian dan The Sun Daily.




Antara pembentang yang menjayakan Seminar Sehari bersama Penerbit 2018

# BAHAGIAN PEMBINAAN KOLEKSI

Dalam usaha memperkukuhkan koleksi perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia terus mempergiat program perolehan sumber perpustakaan di bawah penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), pembelian serta hadiah dan pertukaran. Sehingga Disember 2018, jumlah kumulatif koleksi Perpustakaan Negara Malaysia yang diperoleh melalui pembelian adalah 21,458 unit serta melalui hadiah dan pertukaran adalah sebanyak 14,970 unit.

Di samping perolehan bahan bacaan untuk Perpustakaan Negara Malaysia, perolehan juga dilaksanakan untuk Perpustakaan Desa di seluruh Malaysia untuk memberi galakan kepada masyarakat luar bandar untuk memperkayakan ilmu. Pada tahun 2018, sebanyak 34,967 naskhah bahan bacaan yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperoleh.

## PEROLEHAN BAHAN BACAAN

### Perolehan Koleksi PNM

- Perolehan koleksi bahan fizikal PNM dilaksanakan melalui pembelian, hadiah dan pertukaran termasuk monograf, terbitan bersiri, sumber media, e-book, koleksi peribadi dan nadir serta manuskrip Melayu.
- Koleksi bahan digital turut diperoleh melalui langganan Pangkalan Data komersial yang diperoleh secara pembelian kekal.



**Monograf**

Sebanyak 17,953 naskhah bahan monograf yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperoleh dari dalam negara dan luar negara melalui proses pembelian. Jumlah ini terdiri daripada 13,809 naskhah bahan Malaysiana dan 4,144 bahan Bukan Malaysiana. Sebanyak 14,970 naskhah telah diperoleh melalui hadiah dan pertukaran di mana sebanyak 9,885 naskhah adalah bahan Malaysiana dan 5,085 adalah bahan bukan Malaysiana.




**Terbitan Bersiri**

Sebanyak 825 naskhah terbitan bersiri telah diperoleh melalui pembelian sepanjang tahun 2018 yang meliputi 468 naskhah bahan Malaysiana manakala bahan bukan Malaysiana sebanyak 357 naskhah. Bagi perolehan melalui hadiah dan pertukaran, PNM telah memperoleh sebanyak 80 naskhah bahan bukan Malaysiana.



**Sumber Media dan Elektronik**

Sebanyak 109 unit bahan sumber media dan elektronik telah diperoleh bawah pembelian iaitu 10 unit bahan Malaysiana manakala Bukan Malaysiana sebanyak 99 unit.

## Buku Elektronik (e-Book)

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 57,607 judul buku elektronik (e-Book) telah diperoleh melalui pembelian.

## Koleksi Khas (Koleksi Peribadi & Nadir)

Koleksi Peribadi dan Nadir dikategorikan sebagai Koleksi Khas. Pada tahun 2018, PNM telah memperoleh sebanyak 1,728 naskhah bahan koleksi peribadi iaitu koleksi Sasterawan Negara Profesor Emeritus Dr. Mohamad Hj. Salleh, Sasterawan Negara Dato' Dr. Mohd Anuar Rethwan dan koleksi Allahyarham Profesor Madya Dr. Talib Samat manakala koleksi Nadir sebanyak 23 naskhah yang diperoleh dari dalam negara.

## Langganan Pangkalan Data

Pada tahun 2018, sebanyak 15 Pangkalan Data telah dilanggan iaitu:

# Perolehan Bahan Bacaan Perpustakaan Desa

Perolehan bahan bacaan untuk koleksi Perpustakaan Desa di seluruh Malaysia dilaksanakan melalui tender dan Dana Pembelian Terus Buku-buku Karya Penulis Tempatan. Pada tahun 2018, sebanyak 90 judul/34,967 naskhah bahan bacaan baharu yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperoleh daripada 89 orang penulis untuk 508 Perpustakaan Desa di seluruh negara.

# BAHAGIAN PEMULIHARAAN

Bahagian Pemuliharaan telah melaksanakan tanggungjawab yang diberikan bagi memastikan koleksi sumber perpustakaan sentiasa kekal terpelihara dan terpulihara berasaskan kepada peruntukan **Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331).**

Tiga (3) aktiviti utama yang dilaksanakan bagi menyokong perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia adalah:

**i. Aktiviti Pengawetan Manuskrip Melayu**

Sebanyak 1,550 helai manuskrip Melayu telah dibaikpulih melalui aktiviti pelapisan dan pembaikan tisu (bagi bahan berdakwat luntur), proses *leaf-casting* (bagi bahan dakwat tidak luntur), penyahasidan melalui teknik basah dan kering, *scoring*, *trimming* bahan, penyemakan dan penyusunan mukasurat mengikut susunan asal sepanjang 2018. Unit yang dianggotai oleh lima (5) orang Pembantu Pemuliharaan mencapai 91% daripada sasaran kerja tahunan yang ditetapkan.

**ii. Aktiviti Pengawetan Bahan Nadir dan Perseorangan**

Aktiviti bermula dengan proses pengwasapan bahan, penyahasidan, ujian kelunturan dakwat, pembaikan muka surat menggunakan Crompton tissue, pembaikan minimal, pembaikan menggunakan mesin hardbed press, proses trimming sehingga ke proses penjilidan. Unit yang dianggotai oleh lima (5) orang Pembantu Pemuliharaan ini telah berjaya melaksanakan proses baik pulih bahan Nadir dan perseorangan sebanyak 11,104 mukasurat bersamaan dengan 90.3% daripada sasaran kerja tahunan yang ditetapkan.

**iii. Aktiviti Penjilidan**

Aktiviti yang terlibat dalam Unit Jilidan adalah proses menjilid dan meninta bahan. Unit yang dianggotai oleh lapan (8) orang Pembantu Pemuliharaan ini telah berjaya mencapai sebanyak 2,006 naskhah telah berjaya ditinta. Pencapaian ini bersamaan dengan 100.1% melebihi dari sasaran kerja tahunan yang ditetapkan sebanyak 2,000 naskhah.

Bahagian Pemuliharaan juga terlibat dalam memantau secara langsung dalam memastikan ruang simpanan bahan berada dalam keadaan baik dan bersedia. Proses pemantauan ini menumpukan kepada aktiviti berikut:

i. Bacaan suhu dan kelembapan
ii. Peralatan kawalan persekitaran – *Dehumidifier* dan *Thermohydrograph*
iii. Keadaan fizikal koleksi
iv. Kabinet penyimpanan / kompaktus / rak
v. Kebersihan ruang simpanan bahan
vi. Penambahbaikan yang boleh dilaksanakan

Sepanjang tahun 2018, bahagian ini telah melaksanakan 11 lawatan pemantauan dan setiap sesi lawatan melibatkan 6 ruang simpanan bahan bercetak dan 5 ruang simpanan bukan bercetak.





# Promosi Perkhidmatan Pemuliharaan

Bahagian Pemuliharaan juga terlibat dalam usaha mempromosi perkhidmatan pemuliharaan kepada pengguna PNM. Keterlibatan bahagian ini dengan program-program induk PNM yang bercorak mempromosi produk dan perkhidmatan perpustakaan Negara Malaysia tidak dapat dielakkan. Program-program rasmi yang dianjurkan oleh PNM yang turut melibatkan Bahagian Pemuliharaan bagi mempromosikan perkhidmatan pemuliharaan sumber perpustakaan adalah seperti berikut:

i. Program Singgah Santai PNM Bil 1/2018 (Demo Jilidan dan Pembaikan Buku) pada 24 Februari 2018, Siri 2 pada 28 April 2018, Siri 3 pada 28 Julai 2018, Siri 4 pada 6 Oktober 2018 dan Siri 5 pada 4 November 2018.
ii. Demo jilidan dan pembaikan buku pada 10-12 Februari 2018 di Karnival Kanak-Kanak Iran di Petrosains, KLCC.
iii. Demo Penjilidan Buku pada 24 April 2018 di Sekolah Kebangsaan Kati Kuala Kangsar.
iv. Demo Penjilidan Buku pada 30 April 2018 di Kampung Kota Lama Kanan Kuala Kangsar.
v. Demo Penjilidan Buku pada 2 Mei 2018 di Perpustakaan Desa Siber Ilmu, Kampung Kati, Kuala Kangsar, Perak.
vi. Demo Penjilidan Buku pada 3 Mei 2018 di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di PWTC, KL.
vii. Demonstrasi Pembaikan Buku untuk program Galakan Membaca sempena Program Sambutan 7 Dekad Majlis Belia Malaysia pada 22-23 Julai 2018.
viii. Demonstrasi Pembaikan Buku sempena Program "Secangkir Kopi dan Sebuah Buku: Membaca Pada Usia Emas" pada 7 Ogos 2018.
ix. Pameran Pemuliharaan Bahan dan Pembaikan Ringan/Penjilidan dan Promosi u-Pustaka sempena Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 11 Oktober 2018.
x. Karnival Semarak Jawi 2018 di Kompleks Penghulu Mukim Sungai Balang Muar, Johor.

# Bengkel dan Kursus

Bahagian ini juga terlibat dalam mengendalikan kursus dan bengkel pemuliharaan kepada agensi-agensi luar seperti berikut:

i. Bengkel Pembaikan Ringan dan Pemuliharaan Buku pada 21-22 Mac 2018 di Kementerian Sumber Manusia Putrajaya.
ii. Bengkel Asas Penjilidan dan Pemuliharaan Bahan Perpustakaan pada 3-4 Julai 2018 di Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Putrajaya.
iii. Bengkel Pemeliharaan dan Penjilidan Bahan pada 14 Julai 2018 di Perpustakaan Desa Kampung Bukit Kerayong 1, Jalan Dato' Miskon, Kampong Bukit Kerayong, Kapar, Selangor.
iv. Bengkel Pemuliharaan Bahan Perpustakaan pada 18-20 September 2018.
v. Bengkel Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bahan Buku pada 16 November 2018.
vi. Menerima penempatan 2 orang pelajar Latihan Industri dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 14 – 25 Januari 2018.



Demonstrasi penjilidan buku

# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

# PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT

## PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) adalah salah satu bahagian perkhidmatan utama di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang menyediakan kemudahan rujukan bahan terbitan tempatan dan luar negara. Pelbagai jenis sumber perpustakaan yang disediakan bagi tujuan rujukan seperti monograf, terbitan bersiri, mikrofilem, surat khabar dan pangkalan data. Di samping itu, PNM turut menyediakan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan melalui Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP).

Pada tahun 2018, sebanyak 88,513 koleksi Malaysiana telah dirujuk oleh pembaca (Rajah I). Sejumlah 14,363 pertanyaan arah tunjuk dan 15,997 pertanyaan rujukan ringkas diterima dan dijawab serta 662 bahan dikongsi melalui permohonan Sistem Pembekalan Penerbitan.

Manakala bagi koleksi luar negara, sebanyak 83,648 koleksi Luar Negara (Rajah II) telah dirujuk oleh pembaca. Sebanyak 2,027 pertanyaan arah tunjuk dan 1,442 pertanyaan rujukan ringkas diterima dan dijawab.




**Rajah I: Pencapaian Perkhidmatan Rujukan Malaysiana dan Luar Negara 2018**




**Rajah II: Pencapaian Perkhidmatan Rujukan Luar Negara**

# PROGRAM PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA

PRMLN juga menyediakan pelbagai program/aktiviti bagi menyokong peranan PNM sebagai gedung ilmu. Program/aktiviti yang dianjurkan seperti ceramah, wacana dan pameran adalah bertujuan untuk menjadikan PNM sebagai pusat intelektual yang terulung dalam penyebaran pelbagai bentuk ilmu pengetahuan.

Senarai program/aktiviti yang dilaksanakan:

| Bil. | Program / Aktiviti | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Bengkel Petang Puitika | 30 Januari 2018 |
| 2 | Program Wacana Puncak 77 Kemala | 30 Januari 2018 |
| 3 | Program Cuti Sekolah : Bijak PT3 | 17 Mac 2018 |
| 4 | Program Singgah Santai @ PNM : Komuniti Sihat Negara Hebat | 28 April 2018 |
| 5 | Program Kalam Karyawan Siri 1/2018: ”Menelusuri Karya Sasterawan Negara, YBhg. Datuk Dr. Ahmad Kamal Abdullah (Kemala)” | 11 Julai 2018 |
| 6 | Pameran Melestari Budaya Menyatukan Bangsa | 20 Ogos - 20 September 2018 |
| 7 | Bengkel Mari Belajar Bahasa Melayu untuk Warganegara Asing Siri 1 | 20 Oktober 2018 |
| 8 | Mengenali Puisi : Pantun Dan Gurindam | 22 Oktober 2018 |
| 9 | Bengkel Mari Belajar Bahasa Melayu untuk Warganegara Asing Siri 2 | 27 Oktober 2018 |
| 10 | Program Kalam Karyawan Siri 2/2018: ”Menelusuri Karya Sasterawan Negara YBhg. Dato’ Seri Dr. A. Samad Said” | 1 November 2018 |





# PROGRAM DAN AKTIVITI PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA 2018

## KALAM KARYAWAN SIRI 1/2018 "MENELUSURI KARYA SASTERAWAN NEGARA" PADA 11 JULAI 2018



Antara peserta yang menghadiri program ini




Sasterawan Negara YBhg. Datuk Dr. Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) menyampaikan ucaptama



Timbalan Ketua Pengarah PNM, Pn. Maizan Ismail menyampaikan cenderahati kepada Sasterawan Negara



Sesi soal jawab bersama pembicara

# PAMERAN MELESTARI BUDAYA MENYATUKAN BANGSA




Pengunjung luar negara yang turut melawat tapak Pameran Melestari Budaya Menyatukan Bangsa pada 20 Ogos - 20 September 2018

# BENGKEL MARI BELAJAR BAHASA MELAYU UNTUK WARGANEGARA ASING





Warganegara asing yang menyertai Bengkel Mari Belajar Melayu yang diadakan pada 20 Oktober 2018

# MENGENALI PUISI: PANTUN DAN GURINDAM






Sesi mebaca puisi bersama peserta dan penceramah

# KALAM KARYAWAN SIRI 2/2018
## "Menelusuri Karya Sasterawan Negara : YBhg. Dato' Seri Dr. A. Samad Said"







Sekitar Majlis Kalam Karyawan Siri 2/2018 yang diadakan pada 1 November 2018

# PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU

Pusat ini berperanan sebagai tempat mengumpul, memelihara dan memulihara khazanah warisan negara serta menjadi pusat pengembangan kajian ilmu manuskrip Melayu yang merekodkan legasi intelektual bangsa Melayu, sejarah, budaya serta pandangan dunia peribumi Melayu. Pusat ini terbuka kepada semua lapisan masyarakat untuk mengkaji manuskrip Melayu.

## STATISTIK PENYELIDIK PKMM 2018




Jadual I : Carta Statistik Penyelidik PKMM Jan-Dis 2018








Jadual II : Carta Statistik Koleksi Bahan Dirujuk 2018




Jadual III : Carta Statistik Pertanyaan Rujukan Diterima 2018



# PROGRAM/AKTIVITI PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU 2018

PKMM juga berperanan mendidik masyarakat dan menyebarkan ilmu serta pemikiran yang terkandung di dalam manuskrip Melayu melalui program/aktiviti yang telah dirancang melalui wacana/seminar, penerbitan dan pameran di dalam dan luar negara pada tahun 2018.

Senarai program/aktiviti yang dilaksanakan:

| Bil. | Wacana/Seminar Manuskrip Melayu | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Wacana Manuskrip Melayu Bil.1 2018<br>Hukum dan Peraturan Samudera Alam Melayu | 15 Mac 2018 |
| 2 | Wacana Manuskrip Melayu 2/2018<br>Pandangan dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Perubatan Melayu Tradisional | 15 Mei 2018 |
| 3 | Wacana Manuskrip Melayu 3/2018<br>Rumah Melayu Tradisional: Ilham dan Kreativiti | 20 Julai 2018 |
| 4 | Seminar Manuskrip Melayu 2018<br>Hang Tuah: Raja Duta Kerajaan Melayu Melaka | 29 November 2018 |



Wacana Manuskrip Melayu: Rumah Melayu Tradisional




Wacana Manuskrip Melayu: Tafsir Perubatan Moden Terhadap Perubatan Tradisional

# BAHAGIAN SUMBER ELEKTRONIK

BSE menyediakan perkhidmatan berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi ICT seperti yang berikut:

i. Perkhidmatan Samsung Smart Library

ii. Perkhidmatan Zon Siber

iii. Perkhidmatan Pusat Hipermedia Dewasa

iv. Perkhidmatan Sudut Maklumat OKU

Pengguna juga boleh mengakses maklumat digital seperti e-buku, e-majalah, e-suratkhabar, e-rujukan melalui perkhidmatan u-Pustaka. BSE juga bertanggungjawab melaksanakan kerja – kerja rakaman siaraya untuk jabatan.

## Statistik bagi penerimaan koleksi dan penggunaan perkhidmatan sepanjang 2018 adalah seperti berikut :






# PROGRAM ANJURAN BAHAGIAN SUMBER ELEKTRONIK

## Program Eksplorasi Maklumat Digital 2018



Program Eksplorasi Digital Bersama Pelajar Sekolah Menengah Puteri Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 25 Julai 2018



Program Eksplorasi Digital Bersama pelajar Kolej PICOM, Kuala Lumpur pada 3 September 2018



Program kerjasama dengan MDEC bagi aktiviti MIT App Inventor (gaming) pada 29 Oktober 2018



Program Eksplorasi Digital Bersama pelajar Sekolah Rendah Tamil Fletcher, pada 29 Oktober 2018

# Aktiviti -aktiviti bersama OKU





Program Eksplorasi Digital Bersama Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) pada 29 Oktober 2018

# Bengkel Eksplorasi Perpustakaan Digital




Bengkel Eksplorasi Perpustakaan Digital & Literasi Media dan Maklumat dengan kerjasama Institut Latihan Perindustrian (ILP) bertempat di ADTEC Kemaman pada 27 Mac 2018

# PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN KOMUNITI

## BAHAGIAN PINJAMAN

Fungsi utama Bahagian Pinjaman adalah menyediakan perkhidmatan pinjaman kepada pembaca berdaftar. Bahagian Pinjaman terbahagi kepada 4 unit iaitu:-

i. Unit Pinjaman Dewasa
ii. Unit Kanak- kanak
iii. Unit Pinjaman Berkelompok
iv. Unit Perpustakaan Komuniti

## STATISTIK PERKHIDMATAN

Rajah I: Sirkulasi mengikut unit

| UNIT | PINJAMAN (NASKAH) | PEMULANGAN (NASKAH) | TEMPAHAN (NASKAH) |
|---|---|---|---|
| Pinjaman Dewasa | 128,388 | 123,391 | 29 |
| Pinjaman Kanak-kanak | 71,136 | 70,227 | - |
| Pinjaman Berkelompok | 169,626 | 101,813 | - |
| Perpustakaan Komuniti | 45,898 | 44,715 | - |
| **JUMLAH** | **415,048** | **340,146** | **29** |

Rajah II: Penerimaan Bahan

| UNIT | PENERIMAAN (NASKAH) |
|---|---|
| Unit Pinjaman Dewasa | 3,737 |
| Unit Pinjaman Kanak-kanak | 1,349 |
| Unit Pinjaman Berkelompok | 4,904 |
| Perpustakaan Komuniti | 5,142 |
| **JUMLAH** | **15,132** |



# PERKHIDMATAN PINJAMAN BERKELOMPOK

Sesebuah institusi/jabatan yang berdaftar menjadi ahli SPP boleh meminjam sebanyak 400 buah buku untuk tempoh tiga (3) bulan. Sehingga Disember 2018, keahlian SPP sebanyak 645 ahli.

# PERKHIDMATAN PINJAMAN PERPUSTAKAAN KOMUNITI

Perpustakaan Komuniti berfungsi sebagai pusat maklumat setempat bagi memudahkan masyarakat mengakses bahan-bahan bacaan dan maklumat dengan mudah dan cepat serta memupuk budaya membaca di tempat-tempat tumpuan utama masyarakat bandar.

Terdapat empat (4) buah Perpustakaan Komuniti yang beroperasi iaitu:

i. Perpustakaan Komuniti AEON Mahkota Cheras (PKMC)
ii. Perpustakaan Komuniti AEON AU Setiawangsa (PKAU2)
iii. Perpustakaan Awam Bukit Damansara (PABD)
iv. Perpustakaan Komuniti Mini UTC Keramat Mall (PK Mini UTC Keramat)

# PROGRAM/AKTIVITI GALAKAN MEMBACA

## Singgah Santai@PNM #Relakslah Dulu...

Diadakan sebanyak lima (5) siri pada tahun 2018. Aktiviti yang diadakan seperti Sesi Temu Mesra Penulis, Bengkel *Speed Reading*, Bicara Santai MeowSpa, Program Saintis Muda, Demonstrasi Permainan Tradisional, Bengkel Literasi Maklumat dan Media, Konsert Mini Dari Buku ke Lagu, *Let's Smile Together,* Aktiviti Kraftangan, Aktiviti Jawi, jualan buku *Car Book Sale,* jualan produk dan pameran daripada agensi lain. Seramai 20,539 pengunjung yang hadir sepanjang program berlangsung.

## Program Riang Ria Membaca

Program ini merupakan *signature* program Bahagian Pinjaman. Program ini khas untuk kanak-kanak yang melibatkan pelbagai kaedah yang mampu merangsang imaginasi, kreativiti, inovasi dan meningkatkan tahap keyakinan diri. Program ini diadakan dengan lebih kerap pada cuti penggal persekolahan dan antara aktiviti yang dijalankan adalah Sesi Bercerita, Kelab Teater Kanak-Kanak PNM, Kraftangan, Bengkel, Pertunjukan Boneka, InfoHunt, dan Literasi Maklumat.





# Aktiviti Galakan Membaca Bahagian Pinjaman



Pertandingan Melukis Karektor Kartun bersama Careertive Team di Perpustakaan Kanak-Kanak pada 3 November 2018



Program Singgah Santai@PNM bersama Kumpulan Motorsikal Berkuasa Tinggi pada 3 November 2018




Emilia Craft party: 3D Monogram pada 6 Disember 2018



Sesi Bercerita bersama Tok Yem pada 3 Mei 2018




*Fun With Fuzy Magic* pada 22 Mac 2018



*Baby Lapsit* @ Singgah Santai pada 24 Februari 2018





*Night@Library* bersama pelajar Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 24 Februari 2018



*Basic Drawing Workshop for Tweenegers With Careertive Team* pada 24 November 2018



Bercerita bersama Opah Chu & Persembahan Boneka daripada The Penguins pada 24 November 2018



*Blocthophia Challege* PK UTC Keramat pada 28 November 2018



*Let's Paint With Nor Azhar Ishak: Mixed Media Galaxy Art* pada 8 Disember 2018

# PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS

## STATISTIK PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KEAHLIAN | 717 | 343 | 765 | 274 | 1,507 | 135 | 3,741 |
| KEAHLIAN | 1,664 | 895 | 150 | 299 | 2,565 | 448 | 6,011 |
| PENGUNJUNG | 14,321 | 20,917 | 18,708 | 4,383 | 70,100 | 8,283 | 136,712 |
| PENGUNJUNG | 97,849 | 40,794 | 4,329 | 1,825 | 53,568 | 6,205 | 204,570 |
| PENGGUNA | 11,248 | 17,768 | 16,100 | NIL | 66,218 | 8,280 | 119,614 |
| PENGGUNA | 90,945 | 31,493 | 3,870 | NIL | 48,437 | 6,106 | 149,882 |
| PINJAMAN BAHAN | 3,699 | 8,549 | 17,744 | NIL | 61,836 | 1,182 | 93,010 |
| PINJAMAN BAHAN | 10,325 | 12,935 | 3,822 | NIL | 56,100 | 1,956 | 85,138 |
| PENGGUNA IT | 4,322 | 8,943 | 1,068 | 3,351 | 33,144 | 4,781 | 55,609 |
| PENGGUNA IT | 18,333 | 16,523 | 1,379 | 938 | 30,100 | 1,962 | 69,235 |

PERPUSTAKAAN KOMUNITI UTC KANGAR

PERPUSTAKAAN DESA (37 BUAH)

*SAMSUNG SMART LIBRARY*

PERPUSTAKAAN BERGERAK (3 BUAH)

PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN PEKAN (4 BUAH)

NEGERI



# KEAHLIAN, PENGUNJUNG, PENGGUNA, PINJAMAN BAHAN DAN PENGGUNA IT

1. **PROGRAM / AKTIVITI**

| BIL | PERPUSTAKAAN | JUMLAH | PENGUNJUNG |
|---|---|---|---|
| 1. | Negeri | 74 | 105,726 |
| 2. | Perpustakaan Kanak-kanak | 69 | 1,571 |
| 3. | Perpustakaan Cawangan dan Pekan ( 4 buah) | 423 | 8,733 |
| 4. | Samsung Smart Library | 42 | 1,089 |
| 5. | Perpustakaan Desa (37 buah) | 3,065 | 52,594 |
| 6. | Perpustakaan Komuniti UTC Perlis | 83 | 1,110 |
| | **JUMLAH** | **3,756** | **170,823** |

2. **BILANGAN PERPUSTAKAAN MENGIKUT JENIS**






# PERJAWATAN

Perpustakaan Awam Negeri Perlis diketuai oleh Pengarah (Pustakawan S41) dengan dibantu oleh 29 kakitangan sokongan dan 81 kakitangan kontrak dan 11 kakitangan PSH. Jumlah keseluruhan kakitangan ialah seramai 123 orang.

# PROGRAM JABATAN

## Program Utama

Setiap tahun, Perpustakaan Awam Negeri Perlis berusaha melaksanakan beberapa program dalam usaha menyemarakkan budaya membaca. Turut diadakan program pembangunan sumber manusia untuk kakitangan. Senarai program adalah seperti berikut:-

| BIL | TARIKH | PROGRAM/AKTIVITI | TEMPAT | PERASMI |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 23 – 25 Mac 2018 | Pesta Angin Timur (Program NBOS JKKN) | Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis | Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis |
| 2 | 24 April 2018 | Jom Baca 10 Minit | Seluruh negeri Perlis & Perasmian Perpustakaan Awam Perlis | Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis |
| 3 | 7 Jun 2018 | Malaysia Ngaji | Seluruh negeri Perlis & Perasmian Masjid Putra, Kangar | DYTM Raja Muda Perlis |
| 4 | 29 Jun 2018 | Hari Bertemu Pelanggan | Perpustakaan Negeri | Pengarah PPANPs |
| 5 | 13 – 19 Ogos 2018 | Pesta Buku dan Karnival Pembaca Perlis | Perpustakaan Awam Negeri | Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis |
| 6 | 16 Ogos 2018 | Program Pengkisahan Sejarah | Perpustakaan Negeri | YB Speaker DUN Perlis |
| 7 | 17 September 2018 | Pameran Bertema dan Bengkel Literasi Maklumat | SMK Agama Arau | Pengarah JPN Perlis |
| 8 | 10 November 2018 | Hari Sains Sedunia | Perpustakaan Awam Negeri Perlis | YB EXCO Kerajaan Negeri Perlis |
| 9 | 14 - 15 November 2018 | Fiesta seni : *Face of Perlis & Photo Safari* | Perpustakaan Cawangan Simpang Empat | DYTM Tuanku Raja Muda Perlis |
| 10 | 4 – 31 Disember 2018 | Syoknya ke Perpustakaan | Perpustakaan Kanak– kanak | DYTM Raja Puan Muda Perlis |



# Program Sampingan

Perpustakaan Awam Negeri Perlis turut mengadakan program berskala kecil sepanjang tahun 2018 dalam mempromosikan budaya membaca. Program–program ini merupakan anjuran Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan juga kerjasama dengan lain–lain jabatan di negeri ini. Antara program yang diadakan adalah Pesta Buku UTC Perlis, Pertandingan Bercerita sempena Karnival 100 Tahun SK Kampung Salang, Membaca Bersama-sama Keluarga dan *I Love My Library.*

## LATIHAN DAN KHIDMAT NASIHAT

Selaras dengan fungsinya, Perpustakaan Awam Negeri Perlis terlibat dalam menyediakan latihan dan bengkel kepada jabatan atau organisasi yang berkeperluan. Sebanyak lapan sesi latihan telah berjaya dilaksanakan iaitu Bengkel *Get To Know To Your Library* untuk Pengawas Perpustakaan, Bengkel Fotografi dan *Classic Editing,* Ceramah Portal u-Pustaka, Bengkel Literasi Maklumat, Ceramah Peranan Perpustakaan dalam Menambah Pengetahuan, Ceramah Perkhidmatan Kaunter Berkualiti, Ceramah Amalan Budaya Membaca dan Ceramah Pengacaan Majlis.

## KERJASAMA STRATEGIK

Suatu yang amat membanggakan Perpustakaan Awam Negeri Perlis apabila majlis menandatangani MoU Program Pembangunan Pusat Sumber Sekolah pada 2 Oktober 2017 antara Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Perlis telah berjaya dimeterai di SK Padang Keria. Melalui perjanjian ini, Perpustakaan Awam Negeri Perlis akan menjalankan kerjasama strategik dalam khidmat bantu bahan, kepakaran dan *networking* di 21 buah sekolah dalam projek Pembangunan Pusat Sumber Sekolah (PSS) di negeri ini.

## KEJAYAAN

Perpustakaan Awam Negeri Perlis telah menyertai InDeLib 2018 yang dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Cawangan Kedah pada 1 September 2018. Dalam persidangan ini, Perpustakaan Awam Negeri Perlis telah bertanding bagi kategori Jabatan dengan mengetengahkan projek JomBacaPerlis@ Grabcar. Projek ini telah memenangi *Silver Medal* dalam pertandingan tersebut.

## PAMERAN, PROMOSI DAN KEMPEN DAFTAR AHLI

Pameran, Promosi dan Kempen Daftar Ahli dijalankan atas permintaan agensi dan jabatan di negeri Perlis dan juga sekolah–sekolah. Pelbagai pengisian menarik telah dilaksanakan antaranya Pameran Rangkaian Perpustakaan, pameran buku, sudut permainan ilmu, Jejak Maklumat, Kempen Daftar Ahli dan lain–lain lagi. Pada tahun 2018, sebanyak 34 siri pameran, promosi dan kempen daftar ahli telah dijalankan. Antaranya adalah Promosi Galakan Membaca @ Sek Ren Islam I, Abi, Kangar, Perlis, Promosi Galakan Membaca & Pameran @ Sek. Keb. Beseri, Karnival 130 tahun SK Tengku Budriah dan Promosi Galakan Membaca dan Pameran sempena Xplorasi Ilmu dan Fiesta Seni 2018.



# PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA

## BAHAGIAN RANGKAIAN SISTEM PERPUSTAKAAN

### PERKHIDMATAN u-PUSTAKA (WWW.U-PUSTAKA.GOV.MY)

Perkhidmatan u-Pustaka merupakan '*touch-point*' kepada rakyat untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan tanpa perlu ke perpustakaan. Perkhidmatan perpustakaan digital ini boleh dilayari melalui www.u-pustaka.gov.my. Pelbagai kandungan digital turut disediakan bagi memenuhi keperluan intelektual setiap lapisan masyarakat.

Pada Oktober 2018, sistem portal u-Pustaka telah dinaiktaraf dengan penambahan ciri-ciri *web responsive* agar paparannya lebih mesra dan mudah dilayari menerusi telefon pintar/tablet.

Sehingga kini portal u-Pustaka bukan sahaja dilayari oleh rakyat dari dalam negara malahan juga turut menerima kunjungan pelawat dari lebih 140 buah negara di dunia. Sepanjang tahun 2018, portal u-Pustaka telah menerima sebanyak 113,971 sesi lawatan dan 415,530 *page views*.

**Keahlian u-Pustaka**

Jumlah keseluruhan ahli u-Pustaka sehingga tahun 2018 adalah seramai 44,811 orang. Bagi tahun 2018, seramai 19,771 ahli baharu u-Pustaka telah didaftarkan.

**Transaksi Pinjaman Dalam Talian**

Jumlah keseluruhan buku yang telah dipinjam oleh ahli u-Pustaka (kumulatif dari tahun 2011 hingga 2018) adalah sebanyak 12,003 naskah. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 513 naskhah buku telah dipinjam oleh ahli u-Pustaka secara dalam talian.





### Promosi Perkhidmatan u-Pustaka

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 43 aktiviti promosi perkhidmatan u-Pustaka telah dilaksanakan di pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi, sekolah dan di beberapa program *outreach* dan karnival yang dianjurkan secara *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

### Projek Perluasan u-Pustaka Sebagai Hub Maklumat Negara

Projek Perluasan u-Pustaka Sebagai Hub Maklumat Negara merupakan projek utama jabatan di bawah RMKe-11 (RP2) yang bermula pada akhir 2017 dan dijangka akan selesai pada penghujung tahun 2019. Tiga komponen utama projek ialah pembangunan Katalog Induk Kebangsaan, Repositori Digital dan Perluasan u-Pustaka ke empat (4) lagi Perpustakaan Awam Negeri (PAN) iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah. Objektif utama projek ini adalah untuk menyambung aspirasi kerajaan bagi mewujudkan masyarakat berilmu pengetahuan berasaskan ekonomi melalui penggunaan perkhidmatan perpustakaan digital.

## KHIDMAT NASIHAT SISTEM KOHA

Sistem Koha adalah Sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu yang berkonsep sumber terbuka (*open source*). Koha berasal dari istilah Māori yang bermaksud hadiah atau sumbangan. Ia merupakan pilihan alternatif bagi kebanyakan perpustakaan yang tidak berkemampuan untuk memperolehi sistem perpustakaan bersepadu komersil di mana penggunaannya semakin berkembang di seluruh dunia.

Sistem Koha berasaskan web menggunakan pangkalan data SQL (*Structured Query Language*). Fungsi Sistem Koha sama seperti sistem perpustakaan bersepadu komersil yang lain di mana ia menyimpan data rekod-rekod katalog koleksi perpustakaan dalam format MARC (*Machine-Readable Cataloging*). Ia boleh diakses melalui Z39.50 atau SRU (*Search/Retrieve using URL*). Antara muka bagi paparan pengguna boleh dikonfigurasi dan disesuaikan mengikut keperluan dan kehendak pengguna.

Sepanjang tahun 2018, PNM berjaya memberi khidmat nasihat, latihan dan bantuan teknikal kepada tujuh (7) buah perpustakaan di pelbagai Jabatan/Agensi yang ingin mengimplementasi Sistem KOHA. Senarai Jabatan/Agensi adalah seperti berikut:

(i) Perpustakaan Kolej Komuniti Bukit Beruang;
(ii) Perpustakaan Kolej Komuniti Seberang Jaya;
(iii) Perpustakaan Kolej Komuniti Tasek Gelugor;
(iv) Perpustakaan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia;
(v) Perpustakaan Kolej Komuniti Sik, Kedah;
(vi) Perpustakaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia; dan
(vii) Pustaka Legasi Tun Abdullah Badawi.



# PROGRAM/AKTIVITI PROMOSI PERKHIDMATAN DIGITAL



Promosi keahlian dan perkhidmatan u-Pustaka kepada Ahli-ahli Parlimen, di Parlimen Malaysia pada 21-22 November 2018



Promosi keahlian dan perkhidmatan u-Pustaka kepada pengunjung Pavilion PNM sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2018 yang berlangsung di PWTC dari 27 April hingga 6 Mei 2018



Promosi keahlian dan perkhidmatan u-Pustaka di Karnival Belia Membaca dan Hari Terbuka UTM Kuala Lumpur pada 27 November 2018




Promosi keahlian dan perkhidmatan u-Pustaka di Karnival Semarak Jawi 2018 yang berlangsung pada 19-20 Oktober 2018, di Kompleks Penghulu, Mukim Sungai Balang, Muar, Johor.

# BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK DIGITAL

## SISTEM PENGURUSAN PENGETAHUAN

Sistem Pengurusan Pengetahuan (KM) di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah dirancang secara strategik dan termaktub dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PNM. Sistem KM telah mula digunakan sejak Februari 2014 oleh kakitangan PNM.

Tujuan sistem KM di PNM dibangunkan adalah untuk mengumpul dokumen-dokumen daripada pelbagai sumber yang ada dan sah mengenai dasar, pembangunan, operasi dan perlaksanaan yang berkaitan dengan Perpustakaan Negara Malaysia.

Sistem KM boleh diakses melalui Portal VShare iaitu https://vshare.pnm.gov.my. Sistem ini dibangunkan dengan kerjasama MAMPU sebagai salah satu usaha menggalakkan perkongsian pengetahuan dari kalangan kakitangan PNM untuk meningkatkan kompetensi diri dan organisasi demi kecemerlangan perkhidmatan di Perpustakaan Negara Malaysia.

## PELAKSANAAN KM@VSHARE

Portal VShare menjadi medium perantara yang digunakan dalam pengurusan mesyuarat-mesyuarat utama jabatan seperti Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat JPICT, perkongsian dan platform perbincangan antara komuniti serta pasukan seperti Sistem Pengurusan Kualiti dan Literasi Maklumat (KM) Selain itu, Portal VShare juga digunakan untuk mengurus, merancang dan memantau pelaksanaan projek contohnya Projek Pembangunan *Knowledge Management* (KM).

Jabatan telah melantik Pegawai KM Bahagian di setiap bahagian bagi membantu memastikan pelaksanaan KM dan penggunaan Portal VShare di peringkat bahagian lebih lancar dan terancang. Antara fungsi dan bidang tugas Pegawai KM Bahagian adalah membantu kakitangan menggunakan fasiliti dalam Portal VShare dan menyelaras serta menggalakkan pembudayaan perkongsian ilmu di kalangan kakitangan bahagian.



# SITES YANG DIBANGUNKAN

Sehingga akhir tahun 2018, *site* yang telah dibangunkan adalah seperti di bawah:-

| | |
|---|---|
| ***PROJECT SITE*** | MS ISO 9001:2008 BTM/BRSP |
| | Pemantauan Kontrak Jabatan |
| | Penyewaan Perkakasan ICT PNM (2) 2018-2020 |
| | u-Pustaka Sebagai Hub Maklumat Negara |
| | Perkhidmatan Penyenggaraan di Pusat Data |
| | KM |
| | IDLC |
| | PSTM |
| | Menaiktaraf Talian 1Gov*Net PNM |
| | Perolehan Peralatan ICT PD 2014 |
| | Tender Penyewaan Perkakasan ICT PNM 2016-2019 |
| | Sistem Pengurusan Perpustakaan Desa |
| ***TEAM SITE*** | LM |
| | Media Sosial |
| | Perpustakaan Desa@PNM |
| | Penasihat Pembaca@PNM |
| | Cataloguers@PNM |
| | BTM |
| ***COMMUNITY SITE*** | Sistem Pengurusan Kualiti |
| | JPICT |
| | Barisan Pengurusan |
| | Pengurusan Tertinggi |





# STATISTIK PENGGUNAAN DAN AKTIVITI PEMBUDAYAAN PORTAL VSHARE

Statistik perkongsian maklumat yang terkumpul di Portal VShare sehingga 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Jumlah Dokumen | 4,234 |
| Jumlah Foto | 2,953 |

Aktiviti-aktiviti pembudayaan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 adalah edaran e-Poster melalui e-mel kepada warga PNM dan latihan serta taklimat kepada Pegawai PNM.

# *TECHNOLOGY UPDATE*

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menyumbang ke arah transformasi perpustakaan. Bertepatan dengan slogan IFLA WLIC 2018 Kuala Lumpur "Tranformasi Perpustakaan, Transformasi Masyarakat". Pelbagai inisiatif dan projek telah dilaksanakan untuk memastikan perpustakaan kekal relevan dan mengikut trend keperluan pengguna pada masa kini. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) memberi fokus terhadap pemerkasaan perkhidmatan perpustakaan yang berteraskan pengaksesan maklumat secara digital.

Bahagian Pengurusan Projek Digital (PMO Digital) bertanggungjawab menyelaras pendedahan teknologi baharu *(technology update)* berkaitan perpustakaan digital. Pelaksanaan *technology update* adalah untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan berkaitan perkembangan teknologi baharu yang relevan di perpustakaan serta menyediakan platform untuk mendapatkan idea dalam merancang dan membangunkan inisiatif digital. Pendekatan yang diambil ialah dengan mengadakan sesi pembentangan dan demo produk serta taklimat berkaitan inisiatif digital yang telah dilaksanakan oleh pelbagai kepada kumpulan sasaran tertentu.

Pada 5 Oktober 2018, sesi kunjung hormat Encik Mahendra Mahey bersama YBhg. Dato' KP PNM telah diadakan, dan satu sesi *technology talk & update* bertajuk *Building Better 'Galleries, Libraries, Archives and Museum (GLAM) Lab'* telah diadakan dengan jayanya. Encik Mahendra Mahey adalah seorang Pengurus dari British Library Labs (BL Labs) dan telah berkhidmat lebih dari 5 tahun. Beliau berkongsi pengetahuan, pengalaman dan pengajaran yang diperolehi oleh British Library dalam membangunkan makmal galeri, perpustakaan, arkib dan muzium. BL Labs sangat membantu dan memberi galakkan kepada penyelidik, artis, usahawan dan pengiat inovasi untuk menggunakan koleksi digital BL dalam sebarang pertandingan, anugerah dan aktiviti-aktiviti lain.

Antara pengisian menarik yang telah disampaikan oleh beliau adalah seperti berikut:

- Cara BL Labs dalam menyediakan data dan koleksi digital.
- Kajian penggunaan semula data dan koleksi digital dengan menghubungkan dan kolaborasi dengan pelbagai pihak dari seluruh dunia.
- Isu dan cabaran dalam menguruskan data dan koleksi digital.
- Cadangan penyelidikan dalam yang bermafaat dan memberi impak kepada perpustakaan pada masa hadapan.

Sesi yang dilaksanakan adalah diharapkan dapat memberi inspirasi dan buah fikiran kepada para pustakawan dan profesional maklumat dalam membangunkan lab data dan koleksi digital di Malaysia dengan membuat jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak. Pegawai daripada sub-aktivti Perpustakaan Digital Negara (PERDANA) telah mengambil peluang untuk berbincang beberapa aspek lebih mendalam dalam perlaksanaan projek pendigitalan dengan beliau selepas sesi *technology talk & update* yang diadakan dalam ruang tertutup.



# BAHAGIAN KANDUNGAN DIGITAL

Bahagian Kandungan Digital (BKD) telah diwujudkan pada tahun 2013 melalui penstrukturan semula Jabatan. Bahagian ini bertanggungjawab bagi pembangunan kandungan digital dan melaksanakan pendigitalan bahan-bahan koleksi Perpustakaan.

Aktiviti pendigitalan koleksi perpustakaan yang sentiasa dijalankan merupakan salah satu usaha PNM untuk memelihara khazanah warisan negara dan menyediakan akses kepada sumber-sumber perpustakaan dengan lebih mudah dan cepat untuk rujukan pengguna perpustakaan secara digital, seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

## PROJEK PENDIGITALAN DI BAWAH PROJEK PEMBANGUNAN U-PUSTAKA SEBAGAI HUB MAKLUMAT NEGARA DALAM PROJEK ICT RMK-11 (RP2)

PNM telah memperolehi kelulusan bagi melaksanakan Projek Pendigitalan Koleksi Perpustakaan di bawah Projek Pembangunan u-Pustaka sebagai Hub Maklumat Negara dalam Projek ICT RMK-11 (RP2) yang merangkumi perkakasan ICT, aplikasi, sistem repositori digital PNM dan perkhidmatan migrasi data serta pendigitalan koleksi.

Projek pendigitalan ini mengandungi dua komponen utama iaitu Perkhidmatan Pendigitalan dan Pembangunan Sistem MyRepositori.

(i) Pendigitalan bahan perpustakaan yang melibatkan 4 jenis koleksi dengan jumlah keseluruhan sebanyak 1,772,210 muka surat yang terdiri dari Koleksi Manuskrip Melayu, Koleksi Negara, Koleksi Surat Khabar (Mikrofilem) dan Koleksi Nadir/Peribadi.




**Rajah 1 : Jumlah Pendigitalan Bahan Koleksi Perpustakaan**

(ii) Pembangunan Sistem Repositori Digital PNM (MyRepositori) baharu akan dibangunkan oleh MIMOS dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019.

## 10 Modul dalam Peringkat Pembangunan Sistem




**Rajah 2 : Modul Sistem MyRepositori**



# PENDIGITALAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN

Pendigitalan koleksi perpustakaan oleh BKD sehingga Disember 2018 dikategorikan seperti berikut:

A) **Pendigitalan *In-House***

Bahan perpustakaan yang terlibat untuk pendigitalan telah melalui proses pemilihan bahan oleh Jawatankuasa Pemilihan Bahan untuk pendigitalan dan telah diluluskan oleh Ketua Pengarah PNM. Kriteria pemilihan bahan mengikut Dasar dan Garis Panduan Pendigitalan Koleksi Perpustakaan. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 447 judul bahan perpustakaan telah berjaya di proses dan ditukar ke format digital dengan jumlah muka surat sebanyak 68,188 muka surat.

| BIL | JENIS BAHAN | JUDUL | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| **1.** | **Terbitan Jabatan** | | |
| | (a) Jurnal Fiologi Melayu | 7 | 936 |
| | (b) Monograf | 1 | 116 |
| **2.** | **Koleksi Perpustakaan** | | |
| | (a) Koleksi Peribadi | 32 | 4,242 |
| | (b) Buku Nadir | 371 | 59,093 |
| | (c) Manuskrip Melayu | 33 | 3,041 |
| | (d) Koleksi Negara | 2 | 318 |
| | (e) Projek Khas | 1 | 442 |
| | **JUMLAH** | **447** | **68,188** |

**Statistik Pendigitalan Koleksi Perpustakaan Jenis Bahan, Judul dan Muka Surat yang didigitalkan bagi tahun 2018**

B) **Pendigitalan *out-source***

Pendigitalan koleksi perpustakaan secara *out-source* mula dilaksanakan pada bulan Ogos 2018. Jawatankuasa Pemilihan Bahan untuk Pendigitalan telah membuat penilaian berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan iaitu mengutamakan naskhah yang mencerminkan budaya dan warisan negara serta mengutamakan kandungan digital genre dewasa/umum.





Sepanjang tahun 2018, sebanyak 3,694 judul bahan perpustakaan telah berjaya diproses dan ditukar ke format digital dengan jumlah muka surat sebanyak 628,396 muka surat. Perincian pencapaian pendigitalan koleksi perpustakaan secara *out-source* bagi Koleksi Negara, Koleksi Peribadi dan Koleksi Manuksrip Melayu adalah seperti berikut :

| **Bil.** | **JENIS BAHAN** | **JUDUL** | **MUKA SURAT** |
|---|---|---|---|
| | Koleksi Negara | 2,694 | 476,504 |
| | Koleksi Peribadi | 1,000 | 151,892 |
| | Koleksi Manuskrip | 60 | 5,644 |
| | **Jumlah** | **3,754** | **634,040** |

C) **Pencapaian Pendigitalan Kumulatif**

Pencapaian pendigitalan kumulatif koleksi perpustakaan bagi tahun 2018 adalah seperti berikut :

| Bil. | PENDIGITALAN | JUDUL | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | Pendigitalan secara *In-house* | 447 | 68,188 |
| 2 | Pendigitalan secara *Out-source* | 3,754 | 634,040 |
| | **Jumlah** | **4,201** | **702,228** |

# LAPORAN KIOSK DIGITAL PNM




Penambahan sebanyak 150 judul bahan dalam format *flipping book* ke dalam Kiosk Digital PNM iaitu 50 judul bagi Koleksi Manuskrip Melayu, 50 judul Koleksi Nadir dan 50 judul Koleksi Peribadi merupakan inisiatif untuk memperbanyakkan bahan digital dalam kiosk digital@ PNM bagi tujuan promosi. Ini menjadikan jumlah keseluruhan yang terdapat dalam Kiosk Digital PNM adalah sebanyak 1,464 judul.

# SISTEM PENGURUSAN KUALITI

# SISTEM PENGURUSAN KUALITI

## PELAKSANAAN AUDIT PEMANTAUAN DAN NAIK TARAF MS ISO 9001:2015

- Audit Pemantauan dan Naik Taraf MS ISO 9001:2015 PNM telah dilaksanakan pada 21 – 23 Mei 2018 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Mesyuarat pembukaan audit telah diadakan pada 21 Mei 2018 di Bilik Serbaguna, Aras 1, Anjung Bestari dan telah dihadiri oleh semua barisan pengurusan kanan PNM.
- Juruaudit daripada SIRIM terdiri daripada tiga (3) orang iaitu Puan Asiyah Haron (Ketua Pasukan Juruaudit), Puan Hawa Ma'arof dan Puan Rajalekshmi a/p Rama Chandram.
- Mesyuarat penutup audit telah diadakan pada 23 Mei 2018 dan sebanyak 14 penemuan peluang penambahbaikan (OFI) telah dicatatkan.

## NAIK TARAF PENSIJILAN MS ISO 9001:2015

Jabatan telah disyorkan diberi naik taraf pensijilan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang sah sehingga 8 April 2019.


IQNet
THE INTERNATIONAL CERTIFICATION NETWORK

CERTIFICATE

IQNet and SIRIM QAS International hereby certify that

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232, JALAN TUN RAZAK
50572 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

has implemented and maintains a

QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

which fulfils the requirements of the following standard

ISO 9001:2015

for the following activities

1) PROVISION OF LIBRARY SERVICES;
2) PROMOTION ACTIVITY FOR READING PROGRAM, ADVISORY AND CONSULTANCY SERVICES, PUBLICATIONS, LIBRARY STATISTICS AND PUBLICITY;
3) MANAGEMENT OF SUPPORTING SERVICES.

| | |
|---|---|
| Issued on | : 24 May 2018 |
| Validity date | : 08 April 2019 |
| Certification Number | : MY- QMS 01228 |

Alex Stoichitoiu
President of IQNet

Mohd Azanuddin Salleh
Managing Director
SIRIM QAS International Sdn Bhd


SIRIM QAS INTERNATIONAL

SIJIL

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232, JALAN TUN RAZAK
50572 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

ISO 9001:2015

*QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements*

Skop Pensijilan

1) PEMBINAAN KOLEKSI NEGARA DARI PERINGKAT PENGUATKUASAAN AKTA PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN 1986, PENGESANAN, PEROLEHAN, PENDAFTARAN, PENDOKUMENTASIAN, PENYELENGGARAAN, PEMELIHARAAN DAN KETERSEDIAAN BAHAN UNTUK RUJUKAN SERTA KHIDMAT PENGGUNA;
2) PENGURUSAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA, KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN, PENERBITAN, STATISTIK PERPUSTAKAAN DAN PUBLISITI;
3) PENGURUSAN PERKHIDMATAN SOKONGAN.

| | |
|---|---|
| Tarikh dikeluarkan | : 24 May 2018 |
| Tempoh sah | : 09 April 2016 - 08 April 2019 |
| No. Pensijilan | : QMS 01228 |

Mohd Azanuddin Salleh
Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



# PUSPANITA

# Ahli Jawatankuasa Tahun 2018

| | |
|---|---|
| **Pengerusi** : | Datin Munazzah Zakaria |
| **Timbalan Pengerusi** : | Katrun Nada Haji Hashim |
| **Setiausaha** : | Zalina Abdul Rahim |
| **Naib Setiausaha** : | Azura Che Noor |
| **Bendahari** : | Nor Azlin Sahamed |
| **Naib Bendahari** : | Rokiah Kassim |
| **Biro Kebajikan** : | Zaiton Hassan |
| **Biro Agama** : | Effah Imtiaz Zainol |
| **Biro Sosial** : | Jamilia Jamil |
| **Biro Sukan** : | Hazeline Mohd Zain |
| **Biro Ekonomi** : | Suhaida Mohamad |
| Pemeriksa Kira-kira 1: | Norsyaza Liyana Bunny Linoby |
| Pemeriksa Kira-kira 2 | : Wan Salbiah Mohd Khalil |



# AKTIVITI-AKTIVITI PENTING JANUARI - JUN 2018

| Tarikh | Aktiviti |
|---|---|
| 31 Mac 2018 (Sabtu) | **Program Lawatan @ Nature Trekking & Perlawanan Bola Jaring Persahabatan FRIM**<br>Tempat : FRIM Kepong<br>Penyertaan : 20 peserta |
| 31 Mac 2018 (Sabtu) | **Perlawanan Bola Jaring Persahabatan FRIM**<br>Tempat : FRIM Kepong<br>Penyertaan : 20 peserta |
| 6 April 2018 (Jumaat) | **Bengkel Asas Kecantikan**<br>Tempat : Bilik Puspanita PNM<br>Penyertaan : 20 peserta |
| 3 Mei 2018 (Khamis) | **Khidmat Pengurusan Kewangan bersama Ambank dan UOB**<br>Tempat : PNM<br>Penyertaan : 30 orang |
| 7 Jun 2018 (Khamis) | **Jom Ngaji 1Malaysia: Majlis Tadarus dan Majlis Berbuka Puasa**<br>Tempat : Ruang Legar Aras 1, PNM<br>Penyertaan : 200 orang |
| 25 Oktober (Khamis) & 28 November 2018 (Rabu) | **Jualan Promosi Minuman Nutrigen Syarikat MAMEE (Milk Specialist Distribution Sdn Bhd)**<br>Tempat : Loading Bay, PNM<br>Penyertaan : 200 orang |
| 7 Disember 2018 (Jumaat) | **Bengkel Asas Kecantikan**<br>Tempat : Bilik Puspanita PNM<br>Penyertaan : 15 peserta |





# KELAB
# PNM

# KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Sepanjang tahun 2018, Kelab Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan pelbagai aktiviti bagi mengeratkan hubungan dikalangan warga PNM. Antara aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan adalah:-

## Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 39 Kelab PNM

Aktiviti ini telah berlangsung pada 12 Julai 2018 (Khamis) dan dijalankan serentak bersama Sambutan Hari Raya PNM 2018. Setiap biro telah membuat pembentangan aktiviti dan satu perlantikan jawatankuasa telah dijalankan. Puan Ruzilah Ehsan telah dilantik secara sebulat suara menyandang jawatan Juruaudit bagi menggantikan Encik Dahlan Samad. Mesyuarat telah berlangsung dari jam 8.30 pagi – 11.00 pagi dan dihadiri oleh ahli kelab seramai 416 orang. Tiada sebarang usul yang dibentangkan semasa mesyuarat.



Ahli Jawatankuasa sedang membentangkan laporan aktiviti kelab



Dato' Nafisah Ahmad Ketua Pengarah PNM menyampaikan hadiah kepada Pemenang Program 'Fat2Fit@PNM'

## Aktiviti SenamSeni/Aerofit@PNM

Aktiviti SenamSeni/Aerofit@PNM diadakan untuk meningkatkan amalan gaya hidup sihat di kalangan kakitangan agar lebih cergas dan cerdas setiap masa. Selain itu, melalui aktiviti ini, kakitangan dapat mengeratkan silaturrahim di samping dapat bertukar idea dalam meningkatkan motivasi diri khususnya dalam seni sukan. Aktiviti zumba ini dikendalikan oleh jurulatih kecergasan yang berpengalaman iaitu Encik Adam Sangga dari JKKN. Sebanyak 11 kali aktiviti ini diadakan bermula dari 25 September 2017 sehingga 28 April 2018. Aktiviti ini akan diadakan sehingga Disember 2018.

# PROGRAM FAT2FIT@PNM

Program FAT2FIT@PNM merupakan program kesihatan dan pengurusan berat badan yang dilaksanakan di tempat kerja yang dianjurkan bersama Kelab PNM dan KOSPEN secara sukarela dan percuma. Program FAT2FIT@PNM ini akan berlangsung selama tiga (3) bulan bagi fasa pertama pada Januari – Mac 2018 dan fasa kedua pada April-Jun 2018 untuk membantu warga PNM untuk kekal sihat dan cergas.

Pada 16 Januari 2018, telah dilancarkan program FAT2FIT@PNM dimana slot utama bagi program ini ialah Taklimat Kesihatan & Pemeriksaan Kesihatan (Ceramah & Latihan Kurus) oleh Coach Sufian Sulaiman dari Pro Expert Fitness. Taklimat ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada warga PNM mengenai kepentingan menjaga dan mengekalkan berat badan dan pemakanan harian supaya kualiti kesihatan dapat dikekalkan. Pendaftaran peserta dilakukan pada sesi taklimat ini. Saringan kesihatan secara percuma turut diadakan bagi ujian kandungan gula dalam darah, kolestrol dan *BMI ideal*. Penyertaan untuk program ini adalah seramai 46 orang.



Sesi Zumba bersama warga PNM



Pemeriksaan kesihatan oleh KOSPEN

# MAJLIS MERIAHNYA RAYA@PNM

Program Meriahnya Raya@PNM ini merupakan program tahunan yang bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan kakitangan PNM dengan pengguna di samping menyemarakkan lagi suasana sambutan Hari Raya di PNM.

Meriahnya Raya@PNM yang bertemakan *Kepelbagaian dalam Kemeriahan* diterjemah melalui persembahan menu sajian daripada setiap bahagian/sub aktiviti PNM. Sebanyak 20 gerai raya telah menyajikan pelbagai menu pilihan untuk santapan pengunjung. Majlis ini dihadiri oleh Ketua Pengarah PNM dan semua barisan pengurusan bersama-sama dengan warga PNM.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan pertandingan karaoke raya, cabutan bertuah, Busana Raya Paling Anggun dan Bergaya, Gerai Tercantik dan Paling *Sporting/Havoc*.

Sambutan majlis telah mendapat sambutan yang meriah dengan kerjasama daripada semua pihak yang menjayakannya.

# Aktiviti Berbentuk Sukan

| Bil. | Tarikh | Perkara |
|---|---|---|
| 1. | 20-22 Jul 2018 | Kejohanan Boling MAKSWIP |
| 2. | 22 Jul 2018 | Kejohanan Boling Piala Dato' Ketua Pengarah -kerjasama dengan Biro Sukan Puspanita PNM |
| 3. | 3 Sept 2018 | Perlawanan Badminton Persahabatan antara PNM vs ARKIB |
| 4. | 22 Sept 2018 | Program Putrajaya Bridge Night Ride |
| 5. | 13 Okt 2018 | Kejohanan Bola Tampar 4 Penjuru MESCA |
| 6. | 17 Dis 2018 | Cabaran Mendaki Tangga Menara PNM |

# Aktiviti Kebajikan

## 1. Sumbangan Kebajikan

Biro Kebajikan telah mengenal pasti, menerima dan menyemak borang sumbangan daripada ahli-ahli kelab dan menyerahkan sumbangan kepada ahli-ahli kelab yang layak dan menepati syarat-syarat yang ditetapkan. Sehingga Januari 2019, seramai 31 orang ahli kelab telah layak menerima sumbangan kebajikan berjumlah RM1,960.00.

## 2. Sumbangan Kebajikan kepada Kakitangan Perpustakaan Gunasama PNM

Selain menyelaras sumbangan kepada kakitangan ahli-ahli PNM, Kelab PNM menerusi Biro Kebajikan juga tidak mengabaikan kebajikan kakitangan Perpustakaan Gunasama yang ditimpa musibah. Dua orang penerima sumbangan adalah Mendiang Vithya a/p Sokalingam dan Puan Afiza Said. Perincian sumbangan adalah seperti berikut:-

1. Mendiang Vithya a/p Sokalingam (S19)
   (Perpustakaan Institut Penyiaran & Penerangan Tun Abdul Razak)
   (Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan, PNM)
   = RM1,055.00 (Februari 2018), RM1,147.00 (September 2018)

2. Puan Afizah Said (S32)
   (Kolej Komuniti Tawau, Sabah)
   = RM730.00 (November 2018)

Jumlah keseluruhan sumbangan yang dikutip daripada kakitangan PNM adalah sebanyak RM2,932.00.





## 3. Sumbangan Kebajikan kepada Pihak Luar

Biro Kebajikan turut membantu menyelaras kutipan wang sumbangan untuk 3 buah organisasi iaitu Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia, Warga Sulawesi melalui *Humanitarian Care Malaysia Berhad* (MyCare) Seri Kembangan dan juga Kerajaan Malaysia yang diterajui oleh Pakatan Harapan. Perincian sumbangan adalah seperti berikut :

| | |
|---|---|
| 1. Tabung Wira Bomba Malaysia | = RM2,140.50 |
| 2. Tabung Gempa dan Tsunami Sulawesi Indonesia | = RM1,757.45 |
| 3. Tabung Harapan Malaysia | = RM646.00 |

Jumlah keseluruhan sumbangan adalah sebanyak RM4,543.00 telah diterima daripada semua kakitangan PNM dengan dibantu oleh wakil-wakil bahagian yang telah dilantik dari setiap bahagian.

# Aktiviti Keagamaan

## Kelas Bacaan Tajwid

Kelas Belajar Tajwid diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan menambah ilmu pengetahuan kepada kakitangan PNM untuk mendalami bacaan Al Quran dengan betul dan lancar. Kelas ini dibimbing oleh Puan Siti Hajar binti Saad.

## Kuliah Agama Berasaskan Kitab : Penawar Bagi Hati dan Kekeluargaan Dalam Islam

Kuliah Berasaskan Kitab: Penawar Bagi Hati dan Kekeluargaan Dalam Islam disampaikan oleh Ustaz Suridzal Abdul Rahim.

## Program Ops Benteng R&R (Rawat dan Ruqyah)

Program Ops Benteng Rawat & Ruqyah diketuai oleh Ustaz Halim Zakaria. Beliau merupakan seorang Penceramah, Pendakwah Bebas dan Pengamal Perubatan Islam. Program ini adalah kerjasama KELAB dan BKPSM, PNM.

## Bacaan Yaasin/Tahlil/Doa Selamat

Bacaan Yaasin / Tahlil / Doa Selamat diadakan sebagai pengisian rohani kepada warga PNM yang beragama Islam dan dipimpin sendiri oleh AJK Biro Agama Kelab PNM.

- Majlis Bacaan Yasin dan doa selamat juga turut diadakan di Taska Permata PNM pada 3 Mei 2019 dihadiri oleh kakitangan warga beserta ibubapa/penjaga kanak-kanak.
- Doa tahlil khas telah diadakan pada bekas kakitangan dan bukan kakitangan yang telah kembali ke Rahmatullah, Allahyarham Encik Muhamad Shukri Bin Ramli - Penolong Jurutera BKPSM dan Encik Zakaria Mahadi (Pak Ya) – kakitangan syarikat pembersihan yang dilantik PNM (Jati Force Sdn Bhd.)



# PENULISAN

# PENGULAS SARI PUSTAKA 2018




**Fatimah binti Abdul Hai**

55 Petua Orang Berjaya

SARI PUSTAKA, (4) : 2018




**Azizan bin Wahab**

Dari Makkah ke Penjara Kajang

SARI PUSTAKA, (2) : 2018




**Nur Azizah binti Azidan**

Apa Yang Aku Yakini

SARI PUSTAKA, (3) : 2018




**Muhammad bin Abdullah**

Dari Subis ke Bologna: Guru Malaysia Mengubah Dunia

SARI PUSTAKA, (2) : 2018




**Azfaradila binti Zainal Abidin**

Bercakaplah Yang Baik-Baik atau Diamlah

SARI PUSTAKA, (3) : 2018




**Rabiah binti Mohd Ali**

D.V.M: Doktor Vet Menulis

SARI PUSTAKA, (4) : 2018




**Fatin Eleena binti Ab Rahim**

Bila Jantung Kata Beep Beep

SARI PUSTAKA, (2) : 2018




**Anisatul-Wahidah binti Abdul Wahid**

Ikigai : The Japanese Secret to a long and happy life

SARI PUSTAKA, (4) : 2018




**Norsilah binti Jainal**

Cerita Bilik Guru

SARI PUSTAKA, (3) : 2018




**Dayang Norainie binti Awang Junidee**

Jeriji Besi, Biarkan Aku Sengsara Di Sini: 24 Libasan Rotan, Banduan Ganas, Seludup Dadah

SARI PUSTAKA, (1) : 2018






**Jasreena binti Jamil**

KALAU-LAH

SARI PUSTAKA, (2) : 2018




**Mohamad Rizal bin Abdullah**

Yang Arif, Saya Bantah!

SARI PUSTAKA, (2) : 2018




**Nor Amalina binti Mohamad Anawa**

How To Talk So Kids Can Learn at Home And In School

SARI PUSTAKA, (3) : 2018




**Lahung Henr Anyi**

Siapa Bukan Teroris?

SARI PUSTAKA, (3) : 2018




**Datin Munazzah binti Zakaria**

Life Tough But So Are You

SARI PUSTAKA, (3) : 2018




**Hasnan binti Mamat@Ahmad Shazili**

Salahuddin Al-Ayyubi: Wira Pembebasan Baitul Maqdis

SARI PUSTAKA, (1) : 2018




**Fatin Hazwani binti Zaini**

Mentaliti Masih Jamban

SARI PUSTAKA, (2) : 2018




**Nur Fatin Shahirah binti Ahmad Tajuddin**

Travelog Usahawan Muda

SARI PUSTAKA, (2) : 2018




**Suhaila binti Abdul Rahman**

Saya ada 25 jam sehari

SARI PUSTAKA, (4) : 2018




**Izlin bInti Ahmad**

Statistik dan Kehidupan

SARI PUSTAKA, (3) : 2018





# TERBITAN PNM

# PENERBITAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Pada tahun 2018, sebanyak **118** penerbitan Jabatan telah dipromosikan melalui pelbagai program yang dianjurkan di dalam dan luar Jabatan termasuk penyertaan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur. Hasil promosi sebanyak **514 naskhah** penerbitan telah berjaya dijual dengan hasil jualan iaitu sebanyak **RM 14,287.35**

Selain penerbitan bahan fizikal, Perpustakaan Negara Malaysia turut menerbitkan bahan terbitan dalam talian bagi menggalakkan dan memudahkan penyebaran ilmu bukan hanya secara fizikal malah secara dalam talian.



# KERATAN AKHBAR



SASTERA & BUDAYA

# Industri buku perlu reformasi segera

# TKC terima kunjungan delegasi IFLA

# Perpustakaan awam ditransformasikan bentuk digital

# PNM jadi pusat kecemerlangan

SAUDARA PENGARANG,

Maklum Balas

VARSITI

Utusan Melayu

# MARTABAT KEMBALI TULISAN JAWI

Usaha PNM semarak semula budaya hidup masyarakat Islam

# Inovasi u-Pustaka tingkat minat suka membaca

Libraries still relevant despite the advent of digital information and social media

OPENING SESSION

Minister of Tourism, Arts and Culture, Mohamaddin Ketapi (four left) with Mayor of Kuala Lumpur, Tan Sri Mohd Amin Nordin Abd Aziz (two right), Chief Secretary to the Government, Tan Sri Dr Ali Hamsa (three right) and President IFLA, Gloria Perez Salmeron (three left) take a group picture after opening session 84th IFLA WLIC 2018 "Transform Libraries Transform Societies" at KL Convention Centre. Photo Credit: NSTP/Nur Adibah Ahmad Izam

国人阅读风气攀升

Deligasi Antarabangsa Bakal Hadir Ke Sauk

# Pak Samad: Angkat karya sasterawan di sekolah

Bernama | Diterbitkan 1 Nov 2018, 4:53 petang |

Kementerian Pendidikan digesa agar mengambil langkah lebih proaktif untuk menjadikan karya-karya sasterawan negara sebagai buku teks di semua peringkat sekolah.

SAMBUTAN HARI KAMISHIBAI SEDUNIA

Caption

KUALA LUMPUR, 7 Dis -- Pencerita Kamishibai, Samsul Kamariah Hamzah (tengah) bergambar bersama kanak-kanak yang hadir sempena Program Sambutan Hari Kamishibai Sedunia di Perpustakaan Negara, hari ini.

Kamishibai adalah satu teknik bercerita menggunakan kad visual atau papan kertas dan satu bentuk pengisahan visual yang menggabungkan penggunaan visual lukisan yang disusun dalam bingkai yang kemudian ditarik satu persatu berdasarkan naratif cerita yang disampaikan secara langsung.

國家圖書館融合傳統與現代

# 鬧市中的書香世界

馬來頭飾尖頂處設玻璃天窗

PNM大廈設計概念是籠子

# *Pustaka* WARISAN BANGSA

Bagai api obor memberi cahaya
Perpustakaan kita
Menjadi kebanggaan semua
Penyuluh hidup jaya

Berbagai maklumat terkumpul sedia
Berkhidmat penuh setia
Berbakti pada rakyat Malaysia
Rahmatnya tak terhingga

Perpustakaan Negara Malaysia
Penggerak budaya membaca
Berbagai khazanah yang ada
Pustaka warisan bangsa

Rakyat yang berilmu akan terus maju
Gunakan sumber ilmu
Bersama kita membina minda
Wawasan jadi nyata

Penulis Lirik: Mahzan Manan



# NOTA



# NOTA





# NOTA

# NOTA










PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232 JALAN TUN RAZAK, 50752, KUALA LUMPUR
T 603 2687 1700 I F. 603 2694 2490
www.pnm.gov.my